



PLANMalaysia
(JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA)

P R O S I D I N G



RANCANGAN KORPORAT JABATAN

6 hingga 8 Oktober 2019
(7 hingga 9 Safar 1441H)

Pusat Kecemerlangan Kejuruteraan dan Teknologi
JKR (CREaTE), Alor Gajah Melaka

ISI

KANDUNGAN

PERKARA	M/S
AGENDA RKJ 2019	i - ii
NOTA RKJ 2019	1 - 30
TEKS UCAPAN DATO' KETUA PENGARAH	31 - 40
MAKLUM BALAS MINIT MESYUARAT RKJ 2018	41 - 52
PEMBENTANGAN KERTAS KERJA 1 Hala Tuju PLANMalaysia Oleh : Pn. Nik Noraisu binti Nik Ibrahim Pengarah Bahagian Korporat, PLANMalaysia	53 - 74
PEMBENTANGAN KERTAS KERJA 2 Hala Tuju Kementerian Wilayah Persekutuan Pasca Kemasukan PLANMalaysia dan Jabatan Landskap Negara Oleh : YBrs. TPr Dr. Alias bin Rameli Pengarah Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan, PLANMalaysia	75 - 109
PERBINCANGAN KUMPULAN :	
KUMPULAN 1	110 - 123
KUMPULAN 2	124 - 137
KUMPULAN 3	138 - 156
KUMPULAN 4	157 - 169

AGENDA

RANCANGAN KORPORAT JABATAN (RKJ) PLANMalaysia 2019

MASA	PROGRAM	TEMPAT
HARI PERTAMA: 6 OKTOBER 2019 (AHAD)		
2.00 – 4.00 petang	Pendaftaran Masuk di Asrama	Lobi Asrama
4.00 – 4.30 petang	Minum Petang	Dewan Makan
7.00 – 8.30 malam	Makan Malam	Dewan Makan
8.30 – 10.30 malam	Bacaan Doa Mesyuarat Rancangan Korporat Jabatan (RKJ) 2019 PLANMalaysia • Ucaptama Pengerusi <i>Oleh : Ketua Pengarah PLANMalaysia</i> • Pengesahan Minit Mesyuarat RKJ PLANMalaysia 2018 • Maklum balas Perkara-perkara Berbangkit • Hal-hal Lain	Dewan CREaTE
10.30 – 11.00 malam	Minum Malam	Dewan Makan
HARI KEDUA: 7 OKTOBER 2019 (ISNIN)		
7.30 – 9.00 pagi	Sarapan Pagi	Dewan Makan
9.00 – 9.30 pagi	<u>Pembentangan Kertas Kerja 1</u> Hala Tuju PLANMalaysia <i>Oleh : Pengarah Bahagian Korporat</i>	Dewan CREaTE
9.30 – 10.00 pagi	<u>Pembentangan Kertas Kerja 2</u> Halatuju Kementerian Wilayah Persekutuan Pasca Kemasukan PLANMalaysia dan Jabatan Landskap Negara <i>Oleh : Pengarah Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan</i>	
10.00 – 10.30 pagi	Sesi Bergambar & Minum Pagi	Foyer Dewan / Dewan Makan
10.30 pagi - 12.30 tengah hari	Perbincangan Kumpulan - 4 Kumpulan	Dewan CREaTE

12.30 tengah hari – 2.00 petang	Makan Tengahari dan Solat	Dewan Makan
2.00 – 4.30 petang	Perbincangan Kumpulan	Dewan CREaTE
4.30 – 5.00 petang	Mengemukakan Hasil Perbincangan Kumpulan Kepada Urus Setia	
5.00 – 5.30 petang	Minum Petang	Dewan Makan
5.30 – 6.30 petang	Senamrobik sempena Bulan Sukan Negara 2019	Dewan CREaTE
8.00 – 10.00 malam	Jamuan Makan Malam BBQ	
HARI KETIGA: 8 OKTOBER 2019 (SELASA)		
7.00 – 8.30 pagi	Sarapan Pagi	Dewan Makan
8.30 – 10.00 pagi	Pembentangan Hasil Perbincangan Setiap Kumpulan	Dewan CREaTE
10.00 – 11.00 pagi	Minum Pagi	Dewan Makan
11.00 pagi – 12.00 tengah hari	Rumusan RKJ 2019 Penangguhan Mesyuarat <i>Oleh : Ketua Pengarah PLANMalaysia</i>	Dewan CREaTE
12.00 tengah hari	Makan Tengahari dan Daftar Keluar	Dewan Makan

The background of the page is a light blue watercolor wash. In the center, there is a square frame with a white border. Inside this frame, the title is written in a serif font. The words "NOTA" and "RKJ" are on the top line, and "2019" is on the bottom line.

NOTA
RKJ
2019

RANCANGAN KORPORAT JABATAN



NOTA

RANCANGAN KORPORAT JABATAN 2019

- Tarikh / Masa** : 6 Oktober 2019 (Ahad) / 8.30 malam – 10.30 malam
7 Oktober 2019 (Isnin) / 9.00 pagi – 10.00 pagi
8 Oktober 2019 (Selasa) / 11.00 pagi – 12.00 tengah hari
- Tempat** : Pusat Kecemerlangan Kejuruteraan dan
Teknologi JKR (CREaTE),
Alor Gajah, Melaka
- Pengerusi** : YBhg. Dato' TPr Haji Mohd. Anuar bin Maidin
Ketua Pengarah
PLANMalaysia

KEHADIRAN

- | | | | |
|-----|---|---|-------------------|
| 1. | YBhg. Dato' TPr Haji Mohd. Anuar bin Maidin
<i>Ketua Pengarah PLANMalaysia</i> | - | Pengerusi |
| 2. | Pn. Rohani binti Md. Hashim
<i>Timbalan Ketua Pengarah (Perancangan)</i> | | |
| 3. | YBhg. Dato' Dr. Zainah binti Ibrahim
<i>Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan)</i> | | |
| 4. | Pn. Nik Noraisu binti Nik Ibrahim
<i>Pengarah Bahagian Korporat</i> | - | Setiausaha |
| 5. | YBhg. Prof. Datuk Ismail bin Hj. Ibrahim
<i>Ketua Eksekutif</i>
<i>Wilayah Pembangunan Iskandar Authority (IRDA)</i> | | |
| 6. | YBrS. Dr. Shamsaini binti Shamsuddin
<i>Pengarah PLANMalaysia@Selangor</i> | | |
| 7. | TPr Hjh. Norasiah Bee binti Mohd Haniff
<i>Pengarah Bahagian Rancangan Fizikal Negara</i> | | |
| 8. | TPr Jasmiah binti Ismail
<i>Pengarah PLANMalaysia@Perak</i> | | |
| 9. | Tn. Hj. Mohd Faizal bin Hamzah
<i>Pengarah PLANMalaysia@Johor</i> | | |
| 10. | YBrS. Dr. TPr Alias bin Rameli
<i>Pengarah Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan</i> | | |
| 11. | Pn. Robi binti Desa
<i>Pengarah Pejabat Projek Zon Utara</i> | | |
| 12. | TPr Md. Nazri bin Abdullah
<i>Pengarah PLANMalaysia@Melaka</i> | | |
| 13. | TPr Hj. Mohd Ali bin Abu Bakar
<i>Pengarah PLANMalaysia@Terengganu</i> | | |
| 14. | TPr Hj. Hassan bin Yaakob
<i>Pengarah PLANMalaysia@Kelantan</i> | | |
| 15. | TPr Hj. Mokhtar bin Samadi
<i>Pengarah Pejabat Projek Zon Timur</i> | | |
| 16. | TPr Saidin bin Lateh
<i>Pengarah Bahagian Perundangan dan Kawal Selia Perancangan</i> | | |

- 17. Pn. Asni binti Mustafa**
Pengarah PLANMalaysia@Kedah
- 18. Pn. Rozita binti Hamit**
Pengarah Bahagian Perancangan Wilayah
- 19. Tn. Hj. Aminariff bin Hussin**
Pengarah Pejabat Projek Zon Tengah
- 20. En. Khairulzaman bin Ibrahim**
Pengarah PLANMalaysia@Negeri Sembilan
- 21. Mohamed Zamri bin Mohd Zain**
Timbalan Pengarah
Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan
- 22. En. Mohd. Sukuran bin Taib**
Timbalan Pengarah
Bahagian Rancangan Fizikal Negara
- 23. Mohd. Munizam bin Abdul Aziz**
Pengarah Bahagian Maklumat Gunatanah Negara
- 24. YBrs. Dr. Chee Ping Ngang @ Che Ping Ngang**
Timbalan Pengarah
Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan
- 25. En. Norjafni bin Zainuddin**
Pengarah Pejabat Projek Zon Selatan
- 26. En. Wan Fauzi bin Wan Hussin**
Setiausaha Bahagian
Kementerian Wilayah Persekutuan
- 27. YBrs. Dr. Dzul Khaimi bin Khailani**
Ketua Penolong Pengarah Kanan
Bahagian Perancangan Wilayah
- 28. Pn. Haslina binti Chan @ Hassan**
Pengurus Projek
Pejabat Projek Zon Utara
- 29. Pn. Noraida binti Abdul Rani**
Ketua Penolong Pengarah Kanan
Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan
- 30. Pn. Sanisah binti Shafie**
Ketua Penolong Pengarah Kanan
Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan

- 31. TPr Fadzli bin Zubi**
*Pengarah Bahagian Perancangan Pembangunan Ekonomi
Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu*
- 32. Tn. Hj. Mustaffa Kamal bin Mohd. Ali**
*Ketua Penolong Pengarah Kanan
Bahagian Perundangan dan Kawal Selia Perancangan*
- 33. TPr Abdulhan bin Abdul Lamit**
*Pengurus Projek
Pejabat Projek Zon Selatan*
- 34. En. Che Rasid bin Che Seman**
*Ketua Penolong Pengarah Kanan
Bahagian Rancangan Fizikal Negara*
- 35. En. Zamirzan bin Puji**
*Ketua Perunding Kawalan Pemajuan
Jabatan Kerajaan Tempatan*
- 36. En. Shamsul Arshad bin Abd Razak**
Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan
- 37. TPr Nor Hishammudin bin Ismail**
*Pengurus Projek
Pejabat Projek Zon Tengah*
- 38. TPr Toh Lay See**
*Ketua Unit
Unit Penyelarasan Projek*
- 39. En. Saifuddin bin Ahmad**
*Ketua Penolong Pengarah Kanan
Bahagian Rancangan Fizikal Negara*
- 40. En. Muhammad Hakimi bin Mohd. Hussain**
*Ketua Penolong Pengarah Kanan
Bahagian Maklumat Gunatanah Negara*
- 41. YBrs. Dr. TPr Yong Chee Kong**
*Ketua Penolong Pengarah Kanan
Bahagian Korporat*
- 42. En. Zaifulzahri bin Kamde**
*Pengurus Projek
Pejabat Projek Zon Selatan*
- 43. En. Jabu anak Dugu**
*Pengurus Projek
Pejabat Projek Zon Timur*

- 44. En. Sulaiman bin Mohammad**
Ketua Penolong Pengarah Kanan
PLANMalaysia@Selangor
- 45. En. Ahmad Fauzi bin Haji Yusoff**
Pengurus Projek
Pejabat Projek Zon Timur
- 46. Pn. Fitri binti Hj. Abd. Rahman**
Pengurus Projek
Pejabat Projek Zon Selatan
- 47. Pn. Wardiyah binti Senik@Abdul Mokhti**
Ketua Penolong Pengarah Kanan
Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan
- 48. YBrs. Dr. Khairul Nizam bin Othman**
Timbalan Setiausaha Bahagian
Kementerian Wilayah Persekutuan
- 49. TPr Dr. Wong Seng Fatt**
Pengurus Projek
Pejabat Projek Zon Selatan
- 50. En. Peter Valentine Amandus Jr**
Ketua Penolong Pengarah
Bahagian Maklumat Gunatanah Negara
- 51. TPr Wan Andrey bin Wan Mahmood**
Ketua Penolong Pengarah
Bahagian Rancangan Fizikal Negara
- 52. Pn. Tee Szu Fong**
Ketua Unit Pusat Setempat
Majlis Bandaraya Petaling Jaya
- 53. TPr Mohamad Sabri bin Ahmad**
Pegawai Perancang Badar dan Desa
Lembaga Perumahan dan Hartanah Perak
- 54. Pn. Amilia binti Muhamad Nor**
Naib Presiden
Wilayah Pembangunan Iskandar Authority (IRDA)
- 55. Pn. Suzlyna binti Abdul Latib**
Ketua Penolong Pengarah
PLANMalaysia@Selangor
- 56. YBrs. Dr. Noraziah binti Abdul Aziz**
Ketua Penolong Pengarah
PLANMalaysia@Selangor

57. **Pn. Lily Hamadah binti Ramle**
Ketua Penolong Pengarah
PLANMalaysia@Negeri Sembilan
58. **En. Nor Mazlan bin Mohd Yunus**
Ketua Pusat Pengajian
Perancangan Bandar dan Urbanisasi
Institut Latihan Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan
59. **En. Mohd. Fahmi bin Said**
Ketua Penolong Pengarah
PLANMalaysia@Negeri Sembilan
60. **En. Mohd. Khaizal bin Maa'rip**
Ketua Unit Pusat Setempat
Majlis Bandaraya Ampang Jaya
61. **En. Muhammad Anwar bin Ramli**
Ketua Penolong Pengarah
PLANMalaysia@Kedah
62. **En. Mustafa Bakri bin Alias Sani**
Ketua Bahagian
Bahagian Perancangan
Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA)
63. **Pn. Norazura binti Ahmed**
Ketua Seksyen Kewangan
64. **Pn. Suraya binti Haji Dahlan**
Ketua Unit
Unit Intergriti
65. **TPr Lee Yoke San**
Ketua Penolong Pengarah
Bahagian Korporat
66. **En. Dzul Ashrai bin Abu Bakar**
Ketua Penolong Pengarah
Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan
67. **Mohd Rizal bin Othman**
Ketua Penolong Pengarah
PLANMalaysia@Melaka
68. **En. Qua Jen Min**
Pegawai Perancang Bandar dan Desa
Kementerian Wilayah Persekutuan
69. **En. Mohd Aziri bin Che Wil**
Ketua Seksyen Teknologi Maklumat

70. **Pn. Rosmawati binti Haron**
Ketua Unit Pusat Setempat
Majlis Bandaraya Iskandar Puteri
71. **En. Abd. Talip bin Abd. Rahman**
Ketua Penolong Pengarah
PLANMalaysia@Kedah
72. **En. Adi Iskandar Zulkarnain bin Noordin**
Ketua Penolong Pengarah
Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan
73. **Pn. Rosmiyani binti Che Harun**
Ketua Penolong Pengarah
PLANMalaysia@Perak
74. **Pn. Nor Azlin binti Ahmad**
Pengurus Projek
Pejabat Projek Zon Selatan
75. **TPr Mohd Zainuddin bin Jumaat**
Ketua Penolong Pengarah
Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan
76. **Pn. Norasniza binti Hamzah**
Pengurus Projek
Pejabat Projek Zon Timur
77. **Pn. Faridahwati binti Mohd Salleh**
Ketua Unit Pusat Setempat
Majlis Perbandaran Klang
78. **En. Badrul Bin Rahim**
Ketua Unit Pusat Setempat
Majlis Perbandaran Sepang
79. **Pn. Suraiya binti Alisaa**
Ketua Penolong Setiausaha
Seksyen Guna Tanah, Bahagian Perancangan Jalan
Kementerian Kerja Raya Malaysia
80. **En. Shahzarimin bin Salim**
Ketua Penolong Pengarah,
Bahagian Perundangan dan Kawal Selia Perancangan
81. **En. Mursidin bin Ismail**
Ketua Penolong Pengarah
PLANMalaysia@Pulau Pinang

- 82. Pn. Rosmizawati binti Mohamed Salleh**
Ketua Penolong Pengarah
Bahagian Rancangan Fizikal Negara
- 83. Pn. Any Nuhairah binti Abdul Razak**
Pengurus Projek
Pejabat Projek Zon Utara
- 84. En. Muhammad Shaifuddin bin Abdullah**
Ketua Unit Pusat Setempat
Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah
- 85. En. Syamsul Azlan bin Mohamad Anuar**
Ketua Penolong Pengarah
PLANMalaysia@Pahang
- 86. Pn. Ydira binti Ibrahim**
Pengurus Projek
Pejabat Projek Zon Timur
- 87. TPr Mohd Sabri bin Muhammad**
Ketua Penolong Pengarah
PLANMalaysia@Terengganu
- 88. En. Ezrein Faizal bin Ahmad**
Pengurus Projek
Pejabat Projek Zon Timur
- 89. Pn. Norhayati binti Abu Bakar**
Pengurus Projek
Pejabat Projek Zon Tengah

TIDAK HADIR DENGAN MAAF:

- | | |
|---|--|
| 90. Pn. Harizah binti Dato' Hassan
<i>Pengarah PLANMalaysia@Pahang</i> | - <i>Persediaan Kertas Kerja MMK Negeri Pahang</i> |
| 91. En. Nor Sallehi bin Kassim
<i>Pengurus Projek</i>
<i>Pejabat Projek Zon Tengah</i> | - <i>Persediaan Kertas Kerja Smart Cities</i> |
| 92. YBrS. Dr. Abu Bakar bin Mat
<i>Ketua Penolong Pengarah Kanan</i>
<i>Bahagian Perundangan dan Kawal Selia Perancangan</i> | - <i>Pembedahan mata</i> |
| 93. YBrS. Dr. Chua Rhan See
<i>Pengurus Projek</i>
<i>Pejabat Projek Zon Tengah</i> | - <i>Persediaan Aktiviti Penilaian Inspektorat KWP</i> |

- 94. En. Shahrul Niza bin Samsudin**
Pengarah
PLANMalaysia@Perlis
- Bawa ibu ke hospital
- 95. Nor Zaliza binti Mohd Puzi**
Ketua Penolong Pengarah Kanan
Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan
- Persediaan HPBS, FGD Low Carbon City dan Kertas Kerja ASEAN China Symposium.
- 96. Pn. Norhasnita binti Abd. Samad**
Pengurus Projek
Pejabat Projek Zon Timur
- Temujanji Doktor Pakar HSNZ
- 97. En. Ku Ahmad Lafdzi bin Ku Ismail**
Pengurus Projek
Pejabat Projek Zon Utara
- Tidak sihat (proses medical board)
- 98. En. Vikneswaren a/l Jeyasiwam**
Ketua Unit Pusat Setempat
Majlis Perbandaran Kajang
- Mesyuarat OSC
- 99. Pn. Syarifah Nuraida binti T. Mohd Apandi**
Ketua Penolong Pengarah
PLANMalaysia@Pahang
- Penyediaan Kertas Kerja MMK Negeri Pahang
- 100. En. Mohd Yaziz bin Selamat**
Pengurus Projek
Pejabat Projek Zon Selatan
- Tidak sihat
- 101. En. Md. Farabi Yussoff bin Md. Yussoff**
Pengurus Projek
Pejabat Projek Zon Tengah
- Persediaan Kertas Kerja Smart Cities
- 102. Pn. Suraya binti Badaruddin**
Ketua Penolong Pengarah
Jawatan Kumpulan
- Cuti Belajar
- 103. Pn. Hairulliza binti Abdul Rahman**
Pengurus Projek
Pejabat Projek Zon Tengah
- Mesyuarat bersama perunding
- 104. TPr Zulazhar bin Abd. Gahni @ Abd. Ghani**
Ketua Penolong Pengarah
Jawatan Kumpulan
- Cuti Belajar
- 105. En. Azrul bin Osman**
Ketua Penolong Pengarah
- Cuti Belajar

Jawatan Kumpulan

- 106. Pn. Eгна Francis Gitom**
Ketua Penolong Pengarah
Jawatan Kumpulan - Cuti Belajar
- 107. Pn. Rozdiana binti Mohd Rosmi**
Ketua Unit Pusat Setempat
Majlis Perbandaran Subang Jaya - Menguruskan
konvokesyen adik
- 108. En. Mohd Bashir bin Sulaiman**
Ketua Penolong Pengarah
PLANMalaysia@Pulau Pinang - Isteri bersalin
- 109. Pn. Nurvanida Alisha binti Sinnapon**
Pengurus Projek
Pejabat Projek Zon Utara - Cuti bersalin

TIDAK HADIR

- 110. Khairulazar bin Kamarulzaman**
Ketua Penolong Pengarah Kanan
Bahagian Perancangan Wilayah
- 111. En. Shahidi bin Yusop**
Timbalan Pengarah
PLANMalaysia@Perak
- 112. TPr Wong Kam Lee**
Pengurus Projek
Pejabat Projek Zon Utara
- 113. YBrS. Dr. Azmizam bin Abdul Rashid**
Director
Knowledge Management & Advisory
URBANICE MALAYSIA
- 114. En. Mohd. Faizalnizam bin Md Zain**
Ketua Penolong Pengarah
PLANMalaysia@Johor
- 115. Pn. Syazlina binti Bahari**
Ketua Penolong Pengarah
PLANMalaysia@Perak
- 116. En. Ismail bin Abd. Manaf**
Ketua Unit Pusat Setempat
Majlis Bandaraya Pulau Pinang
- 117. En. Rosli bin Yusop**

*Ketua Unit Pusat Setempat
Majlis Bandaraya Johor Bahru*

118. Pn. Mazillah Azleen binti Mat Nor

*Ketua Penolong Pengarah
PLANMalaysia@Kelantan*

119. En. Wan Rahim bin Wan Mustapha

*Ketua Penolong Pengarah
PLANMalaysia@Kelantan*

120. En. Muhammad Nasrul Hadi bin Jukun Nain

*Ketua Unit Pusat Setempat
Majlis Bandaraya Ipoh*

121. YBrs. Dr. Mohd. Rizal bin Osman

*Director
Business Development & Operations
URBANICE MALAYSIA*

122. En. Khairil bin Khalid

*Ketua Penolong Pengarah
PLANMalaysia@Perak*

URUSETIA (BAHAGIAN KORPORAT)

- 1. Pn. Nen Farahana binti Ahmad Foad**
Penolong Pengarah
- 2. Pn. Nor Baizura binti Che Man**
Penolong Pengarah
- 3. En. Asshari bin Mohd Juhaidi**
Pegawai Penerangan
- 4. En. Mohammad Jasni bin Johari**
Penolong Pegawai Perancang Bandar Tertinggi
- 5. Pn. Nurul Ismah binti Ibrahim**
Penolong Pegawai Perancang Bandar Kanan
- 6. Pn. Norhasimah binti Samin**
Penolong Pegawai Perancang Bandar
- 7. En. Shamsur bin Othman**
Penolong Pegawai Perancang Bandar
- 8. En. Azahamsah bin Md. Yusoff**
Penolong Pegawai Perancang Bandar
- 9. En. Ahmad Fadhli bin Ismail**
Penolong Pegawai Perancang Bandar
- 10. En. Clement Anak Mathew**
Pembantu Tadbir
- 11. Pn. Rosniza Binti Abdul Ghafar**
Pembantu Tadbir

1.0 PERUTUSAN Pengerusi

- 1.1 YBhg. Dato' Pengerusi memulakan Rancangan Korporat Jabatan 2019 (RKJ 2019) dengan mengucapkan salam dan selamat datang kepada semua peserta yang hadir. Beliau seterusnya mengharapkan kerjasama dan komitmen yang baik daripada semua bagi menjayakan RKJ 2019.
- 1.2 YBhg. Dato' Pengerusi memaklumkan tujuan RKJ 2019 adalah untuk:-
 - i. Membincangkan pendekatan masa hadapan dan hala tuju Strategik Jabatan selaras dengan fungsi terkini Kementerian dan Misi Nasional yakni Wawasan Kemakmuran Bersama; dan
 - ii. Menentukan tindakan – tindakan pelaksanaan yang perlu diambil bagi ke arah mencapai hala tuju strategik yang telah dikenalpasti.
- 1.3 YBhg. Dato' Pengerusi juga menyeru semua peserta RKJ 2019 untuk sama-sama merencana program-program yang dapat mempromosikan Jabatan baik di peringkat tempatan mahupun di persada antarabangsa.

Makluman

- 1.4 YBhg. Dato' Pengerusi memaklumkan, bahawa RKJ telahpun dilaksanakan bermula tahun 2007. Walau bagaimanapun, masih terdapat keputusan-keputusan yang belum dilaksanakan setelah 13 tahun RKJ diadakan oleh Jabatan.
- 1.5 YBhg. Dato' Pengerusi juga melahirkan harapan agar RKJ 2019 akan dapat memberi input yang dapat memacu Jabatan dalam meneruskan kejayaan dan menjadi lebih cemerlang di masa akan datang seterusnya mencipta legasi Jabatan.
- 1.6 YBhg. Dato' Pengerusi turut merakamkan penghargaan kepada Ketua Pengarah PLANMalaysia Ke-15 iaitu YBhg. Dato' TPr. Dr. Dolbani bin Mijan yang telah melaksanakan penjenamaan semula Jabatan dengan pemilihan nama baharu Jabatan iaitu PLANMalaysia yang bercirikan arah tuju yang baik dan jelas. Beliau memaklumkan bahawa, pihak Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) turut menjadikan Jabatan sebagai rujukan dalam melaksanakan penjenamaan semula jabatan tersebut.

Makluman

- 1.7 Beliau seterusnya memaklumkan perkara-perkara berikut untuk perhatian, makluman dan tindakan lanjut:-

1.7.1 Fungsi PLANMalaysia di Bawah Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP)

- i. YBhg. Dato' Pengerusi juga menyatakan bahawa tahun 2019 merupakan tahun yang mencabar bagi Jabatan memandangkan banyak perkara baharu yang berlaku terutamanya selepas PLANMalaysia di bawah naungan Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP).
- ii. YBhg. Dato' Pengerusi juga memaklumkan bahawa pengurusan tertinggi Jabatan telah beberapa kali mencadangkan penambahbaikan terhadap nama, visi dan misi KWP dengan mengambilkira fungsi PLANMalaysia, walau bagaimanapun usaha tersebut tidak membuahkan hasil.
- iii. YBhg. Dato' Pengerusi seterusnya menyeru kepada semua peserta RKJ 2019 untuk mempergiat usaha-usaha mempromosikan profesion dan Jabatan terutamanya ke arah memandu Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) untuk tidak sahaja memberi fokus kepada pembangunan di Wilayah Persekutuan (WP) (Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan) malahan memberi fokus ke pembangunan ke seluruh negara sejajar dengan peranan Jabatan yang memberikan perkhidmatan perancangan bandar dan desa ke seluruh negara.

Makluman

- iv. YBhg. Dato' Pengerusi juga memaklumkan bahawa Jabatan telah melaksanakan pelbagai tindakan dalam mewujudkan hubungan lebih kukuh yang berpadanan dengan fungsi dan peranan Jabatan seperti turut sama-sama melibatkan KWP dalam penganjuran *Malaysian Urban Forum* (MUF) pada Februari 2019.
- v. YBhg. Dato' Pengerusi juga memaklumkan bahawa permohonan peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) oleh KWP hanya memberi fokus kepada pembangunan di WP sahaja.
- vi. YBhg. Dato' Pengerusi juga menyeru kepada semua peserta RKJ 2019 untuk sama-sama menggarap projek-projek di bawah peruntukan pembangunan yang boleh dimohon di bawah KWP untuk Jabatan dalam pembentukan RMK-12. Permohonan tersebut hendaklah termasuk peruntukan yang boleh disalurkan kepada Pihak Berkuasa Perancang Tempatan (PBPT).

Tindakan: Unit Penyelarasan Projek
Perhatian: Semua Pengarah Bahagian,
PLANMalaysia@Negeri dan Pejabat Projek Zon

- vii. YBhg. Dato' Pengerusi juga memaklumkan melalui peruntukan Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [Akta 172], wujud hubungan di antara PLANMalaysia dengan PBPT.

1.7.2 Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN)

- i. YBhg. Dato' Pengerusi juga telah menyarankan bahawa garis panduan-garis panduan yang telah disediakan oleh Jabatan dibentangkan di peringkat MPFN dan seterusnya dibentangkan di peringkat Jawatankuasa Perancang Negeri (JPN) untuk penerimapakaian tanpa perlu melalui Majlis Negara Bagi Kerajaan Tempatan (MNKT).

Tindakan: Bahagian Penyelidikan & Pembangunan (BPP)

Perhatian: PLANMalaysia@Negeri

1.7.3 Produk-Produk Utama PLANMalaysia

- i. YBhg. Dato' Pengerusi memaklumkan bahawa di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Jabatan telah memulakan pelbagai projek pembangunan seperti *Sustainable Development Goals* (SDGs) dan *Smart Cities*. Beliau juga memaklumkan bahawa pihak pengurusan Jabatan sedang giat mempertahankan program-program yang telah dimulakan Jabatan memandangkan pihak KPKT enggan melepaskan projek-projek pembangunan tersebut.
- ii. YBhg. Dato' Pengerusi juga memaklumkan bahawa terdapat pelbagai kebarangkalian terhadap projek-projek pembangunan tersebut, sama ada pelaksanaannya dilakukan oleh KPKT atau PLANMalaysia atau secara berkolaboratif di antara KPKT dan KWP. Beliau juga memaklumkan bahawa KPKT telah memasukkan program *Smart Cities* di bawah peruntukkan RMK-12. Beliau juga berpandangan bahawa sekiranya projek-projek pembangunan dilaksanakan secara berkolaboratif, Jabatan hendaklah memastikan fungsi dan peranan PLANMalaysia tidak tenggelam.
- iii. YBhg. Dato' Pengerusi juga memberikan pandangan bahawa program *Smart Cities* berkait rapat dengan bidang perancangan bandar memandangkan *Smart Cities* merupakan program yang menggunakan teknologi maklumat untuk menyelesaikan isu-isu perbandaran selain daripada mempunyai kepakaran berhubung perancangan dan pelaksanaan pembangunan *Smart Cities*.
- iv. YBhg. Dato' Pengerusi turut memaklumkan Jabatan sedang melaksanakan pelbagai usaha berkaitan *Smart Cities* seperti mengemukakan Memorandum Jemaah Menteri (MJM) berkaitan penubuhan Majlis Bandar Pintar yang telah dibentangkan ke Mesyuarat

Jemaah Menteri pada 14 Ogos 2019, usahasama bersama Cyberview Sdn. Bhd. untuk menganjurkan Smart City RAP 2019 dan sebagai penyelaras penyertaan pameran bagi pihak KWP untuk Smart Nation Expo 2020 yang dianjurkan MiGHT.

- v. YBhg. Dato' Pengerusi juga berpandangan terdapat keperluan untuk mewujudkan kepakaran berkaitan *Smart Cities* di segenap Jabatan baik di Ibu Pejabat, Pejabat Projek dan PLANMalaysia@Negeri ke arah menjadikan Jabatan sebagai *champion Smart Cities* kepada negara. Beliau turut meminta pandangan daripada peserta-peserta RKJ 2019 berhubung pandangan tersebut dan meminta perkara tersebut dibincangkan dalam perbincangan berkumpulan pada RKJ 2019.
- vi. YBhg. Dato' Pengerusi juga menyeru supaya semua peserta RKJ 2019 untuk menjadi proaktif terutamanya dalam mengetengahkan produk-produk Jabatan sehinggalah ianya menjadi rujukan di peringkat antarabangsa.
- vii. YBhg. Dato' Pengerusi meminta supaya tindakan-tindakan berkaitan *National Urban Agenda* (NUA) dilaksanakan dengan lebih agresif terutamanya berhubung pelaporan pencapaian NUA lebih-lebih lagi apabila Jabatan telah menerima isyarat daripada Unit Perancang Ekonomi (EPU) untuk menerajui NUA di Malaysia.

Tindakan: Bahagian Rancangan Fizikal Negara,

- viii. YBhg. Dato' Pengerusi menyeru kepada semua peserta RKJ 2019 untuk mempunyai *sense of belonging* kepada Jabatan dan mempunyai perasaan yang sentiasa berbangga dengan produk-produk Jabatan dan sentiasa berusaha bersama-sama ke arah meningkatkan lagi mutu produk dan perkhidmatan Jabatan.

Perhatian: Semua Peserta RKJ 2019

1.7.4 Program-Program Utama PLANMalaysia

- i. YBhg. Dato' Pengerusi juga meminta supaya Bahagian Korporat meyelaraskan penyertaan WUF10 yang akan diadakan di Abu Dhabi, United Arab Emirates pada 8 – 13 Februari 2020.

Tindakan: Bahagian Korporat

- ii. YBhg. Dato' Pengerusi juga merakamkan ucapan tahniah di atas usaha-usaha melaksanakan hebahan melalui pelbagai platform seperti *Expert Talk* oleh Bahagian Korporat dan Bahagian Perundangan dan Kawal Selia Perancangan (BPKSP), Pameran oleh Bahagian Maklumat Guna Tanah Negara (BMGN), *roadshow* oleh Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan (BPP) termasuklah pameran sewaktu *Malaysian Urban*

Forum (MUF), Putrajaya Open Day dan 7th Asia Pacific Urban Forum (APUF7).

Makluman

- iii. YBhg. Dato Pengerusi memaklumkan bahawa Jabatan telah mengadakan Sambutan Hari Inovasi PLANMalaysia 2019 pada 2 Oktober 2019 dan menerima penyertaan yang amat menggalakkan daripada semua lapisan pegawai di PLANMalaysia Ibu Pejabat, PLANMalaysia@Negeri dan PLANMalaysia Pejabat Projek Zon. Beliau seterusnya memaklumkan bahawa pihak pengurusan tertinggi Jabatan sentiasa menggalakkan amalan budaya kreatif dan inovatif di kalangan warga Jabatan. Justeru, beliau menyeru agar semua Pengarah di Ibu Pejabat PLANMalaysia, PLANMalaysia@Negeri dan Pejabat Projek Zon untuk sentiasa memberi galakan dengan memberi ruang dan peluang kepada warga PLANMalaysia untuk mengembangkan bakat masing-masing.

Tindakan: Pengarah Bahagian/Negeri/PPZ

- iv. YBhg. Dato Pengerusi juga merakamkan ucapan penghargaan dan tahniah kepada semua yang terlibat dalam penganjuran Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia (HPBS) baik di peringkat negeri mahupun di peringkat kebangsaan. Beliau juga memaklumkan sambutan kemuncak bagi tahun 2019 akan diadakan dengan kerjasama PLANMalaysia@Selangor dan Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) pada 10 November 2019. Beliau turut merakamkan ucapan penghargaan kepada PLANMalaysia@Negeri yang telah turut sama melaksanakan pelbagai program HPBS di peringkat negeri termasuklah program-program di peringkat PBPT. Beliau juga menyarankan untuk diadakan program khusus untuk menilai keberkesanan program-program HPBS yang telah dilaksanakan.

Tindakan: Bahagian Korporat

- v. YBhg. Dato Pengerusi juga memaklumkan pelancaran logo Lembaga Perancang Bandar Malaysia (LPBM) yang baharu akan diadakan pada sambutan kemuncak HPBS tersebut. Beliau juga merakamkan penghargaan di atas usaha-usaha yang telah ditunjukkan oleh LPBM yang bergiat aktif terutamanya dalam mewujudkan hubungan erat dengan *Malaysian Institute of Planners* (MIP). Selain itu, beliau juga mengucapkan tahniah di atas usaha-usaha LPBM yang telah mengambil tindakan disiplin terhadap pengamal-pengamal perancang bandar yang telah melanggar peraturan dalam profesion perancang bandar.

Makluman

- vi. YBhg. Dato Pengerusi juga memaklumkan bahawa Jabatan sedang merangka program dan aktiviti ke arah melaksanakan Sambutan 100 Tahun Profesion Perancang Bandar pada tahun 2021 selepas penubuhan Jabatan Perancang Bandar pada 18 Januari 1921 oleh Charles Compton Reade. Beliau juga melahirkan harapan agar sambutan ini sebagai sesuatu yang bermakna yang dapat memartabatkan perancang bandar di persada nasional dan antarabangsa.

Makluman

- vii. YBhg. Dato Pengerusi juga mengingatkan agar semua peserta RKJ 2019 saling menyokong terhadap sebarang aktiviti atau program yang diadakan demi memartabatkan profesion dan Jabatan.

Perhatian: Semua Peserta RKJ 2019

1.1.2 Ciri-Ciri Perancang Bandar dan Desa Yang Berkualiti

- i. YBhg. Dato' Pengerusi juga menyampaikan pesanan kepada semua peserta RKJ 2019 terutamanya kepada bakal peneraju Jabatan untuk tidak bersandar kepada kekananan semata-mata. Beliau juga menegaskan berdasar kepada Dasar Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB), bahawa penjawat awam mempunyai tugas yang berat dan hendaklah sentiasa melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan, mempunyai bakat dan kebolehan yang inovatif dan kreatif agar seiring dengan arus semasa seperti IoT dan revolusi industri 4.0 (Industri 4.0).
- ii. YBhg. Dato' Pengerusi juga mengesyorkan agar semua peserta RKJ 2019 sentiasa meningkatkan diri untuk memastikan profesion perancang bandar sentiasa relevan dengan sebarang situasi.
- iii. YBhg. Dato' Pengerusi juga menasihatkan supaya semua peserta RKJ 2019 mengamalkan integriti yang tinggi selaras dengan Pelan Antirasuah Nasional 2019-2023.
- iv. YBhg. Dato' Pengerusi juga memaklumkan Jabatan sedang melaksanakan pelan pewarisan pengurusan (*management succession plan*) termasuklah proses kajian bakat (*talent review plan*) yang berkesan sebagai usaha untuk memacu Jabatan ke hadapan melalui pelaksanaan pembinaan bakat dalaman (*grow your own timber*). Beliau menegaskan Jabatan akan sentiasa memberikan peluang kepada warga yang berkebolehan untuk memajukan kerjaya masing-masing tanpa mengambilkira kekananan. Beliau juga memaklumkan bahawa tiga (3) orang pegawai Jabatan telah terpilih untuk mengikuti *talent*

Makluman

- v. YBhg. Dato' Pengerusi memaklumkan bahawa Jabatan melalui Bahagian Khidmat Pengurusan telah mewujudkan *taskforce* untuk menyediakan Pelan *Subject Matter Expert* (SME) Jabatan untuk memberi peluang kepada kakitangan sedia ada untuk memajukan kerjaya masing-masing bagi bidang-bidang kepakaran yang diminati.
- vi. YBhg. Dato' Pengerusi juga merakamkan ucapan tahniah kepada pegawai kader Jabatan yang telah melaksanakan tugas dengan baik sehinggalah terdapat agensi yang sukar untuk memindah keluar pegawai kader Jabatan yang telah banyak membantu operasi agensi tersebut.

Makluman

1.1.3 Rancangan Malaysia Lima Tahun (RMLT): Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12)

- i. YBhg. Dato Pengerusi memaklumkan bahawa PLANMalaysia terlibat dalam pembentukan Rancangan Malaysia Lima Tahun (RMLT) yang sedang disediakan oleh Kementerian Hal Ehwal Ekonomi. Beliau memaklumkan bahawa sesi libat urus ini diadakan untuk mendapatkan input, maklum balas dan perkongsian pandangan dalam usaha mengenal pasti isu-isu terkini serta trend semasa global yang perlu diambil kira dan diperincikan dalam penyediaan pelan pembangunan lima tahun tersebut. Beliau juga memaklumkan bahawa PLANMalaysia terlibat secara langsung dalam empat (4) IAPG dan dua (2) kumpulan IAPG di peringkat *Technical Working Group* (TWG) dan *Focus Group Discussion* (FGD):-
 - a. IAPG Pembangunan Wilayah Seimbang;
 - b. IAPG Pengurusan Alam Sekitar, Sumber Asli dan Pengurusan Risiko Bencana;
 - c. IAPG Pembangunan Inklusif;
 - d. IAPG Kesejahteraan Rakyat;
 - e. IAPG Sektor Pembinaan (TWG Industri Pembinaan); dan
 - f. IAPG Pengangkutan dan Logistik untuk FGD *Transport Experts Engagement*.

Makluman

- ii. YBhg. Dato' Pengerusi juga telah menyeru kepada semua warga PLANMalaysia yang terlibat dengan sesi penyediaan RMK-12 ini, untuk mengetengahkan fungsi Jabatan dalam setiap IAPG yang terlibat agar Jabatan dapat menjana aktiviti dan program dalam tempoh pelaksanaan RMK-12.

Makluman

2.0 PENGESAHAN MINIT

- 2.1 Minit Rancangan Korporat Jabatan 2018 yang telah diadakan pada 14-16 Oktober 2018 di Institut Aminuddin Baki (IAB), Genting Highlands, Pahang disahkan tanpa pindaan.

Makluman

3.0 PERKARA-PERKARA BERBANGKIT

- 3.1 Pengarah Bahagian Korporat selaku Setiausaha RKJ 2019 telah membentangkan perkara-perkara berbangkit seperti berikut:

3.1.1 Hari Perancangan Bandar Sedunia (HPBS)

- i. Pn. Setiausaha memaklumkan bahawa Hari Perancangan Bandar Sedunia (HPBS) 2018 telah berlangsung mengikut ketetapan peringkat zon.
- ii. Beliau juga memaklumkan bahawa Sambutan HPBS 2018 Peringkat Kebangsaan telah diadakan di zon utara pada 3 November 2018 dengan kerjasama Setiausaha Kerajaan (SUK) Negeri Kedah, Majlis Bandaraya Alor Star (MBAS) dan PLANMalaysia@Kedah dengan kehadiran 1,500 peserta.
- iii. Beliau turut memaklumkan bahawa Sambutan HPBS 2019 adalah bertemakan *Green and Community : Together is Better*.
- iv. Beliau juga memaklumkan bahawa sambutan HPBS 2019 peringkat kebangsaan akan diadakan pada 10 November 2019 di Dataran Kemerdekaan, Shah Alam dengan kerjasama SUK Negeri Selangor, Majlis Bandaraya Shah Alam (MBAS) dan PLANMalaysia@Selangor.

Makluman

3.1.2 Kuala Lumpur Planning Dialogue (KLPD) Bersama IPTA

- i. Mesyuarat dimaklumkan bahawa KLPD telah dijenamakan semula kepada *Planning Professional Series* (PLANPRO) dan melibatkan pameran dan *Crit Session* daripada Bahagian-Bahagian di Ibu Pejabat, Pejabat Projek Zon dan PLANMalaysia@Negeri.
- ii. Mesyuarat juga telah dimaklumkan bahawa bagi tahun 2018, PLANPRO telah diadakan di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) pada 29 Oktober 2018 dengan kehadiran sejumlah 200 orang pelajar dan di Universiti Teknologi Mara (UiTM) pada 12 November 2018 dengan kehadiran 700 orang pelajar.
- iii. Pengarah Bahagian Korporat juga memaklumkan bagi tahun 2019, PLANPRO telah diadakan pada 8 April 2019 di Universiti Islam Antarabangsa (UIA) dengan kehadiran 150 orang dan 23 September 2019 di Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (POLIMAS), Jitra, Kedah dengan kehadiran 250 orang hadir. Beliau juga memaklumkan,

satu lagi siri PLANPRO akan diadakan pada penghujung November 2019 bertempat di UTM, Skudai.

Makluman

3.1.3 Pelan Strategik Jabatan (PSJ) 2012-2020

- i. Mesyuarat telah dimaklumkan bahawa satu perbincangan bersama pihak MAMPU telah diadakan pada 1 Ogos 2019 dan pihak MAMPU telah mengesyorkan kepada Jabatan untuk mengadakan Bengkel Pelan Strategik Jabatan (PSJ) 2021 – 2025.
- ii. Mesyuarat juga mengambil maklum bahawa Bengkel PSJ ini telah diadakan pada 17 – 19 September 2019 bertempat di Institut latihan FAMA, kota Bharu, Kelantan dengan penglibatan seramai 45 orang pegawai kanan PLANMalaysia.

Makluman

3.1.4 Akta Perancangan Bandar dan Desa (Pindaan) 2017 [Akta A1522]

- i. Mesyuarat dimaklumkan bahawa PLANMalaysia@Melaka, PLANMalaysia@Terengganu dan PLANMalaysia@Negeri Sembilan telah membentangkan Akta A1522 ini di peringkat JPN masing-masing bagi tujuan penerimapakaian.
- ii. Mesyuarat mengambil maklum bahawa PLANMalaysia@Terengganu telahewartakan Akta A1522 ini dan mula dikuatkuasakan pada 1 Januari 2019.
- iii. Mesyuarat juga dimaklumkan, PLANMalaysia@Negeri Sembilan akan mengangkat Akta A1522 ke peringkat MMKN Negeri Sembilan pada Oktober 2019.
- iv. Mesyuarat juga dimaklumkan Akta A1522 akan diangkat di MMKN Melaka setelah selesai penelitian lebih mendalam.

Makluman

3.1.5 Projek Pembangunan 2018-2020

- i. Mesyuarat telah dimaklumkan bahawa bagi tahun 2018, sebanyak 28 kertas kerja telah dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan dan Pembangunan (JPP) dan 31 kertas kerja dibentangkan dalam Mesyuarat JPP Khas.
- ii. Mesyuarat juga telah dimaklumkan bahawa sehingga 30 September 2019, sebanyak 22 kertas kerja telah dibentangkan dalam Mesyuarat JPP, manakala tujuh (7) kertas dibentangkan dalam Mesyuarat JPP Khas.
- iii. Seterusnya, mesyuarat mengambil maklum sebanyak 11 kertas kerja dan lima (5) cadangan Projek *notice of change* (NOC) akan dibentangkan dalam Mesyuarat JPP Bil. 5/2019 yang akan diadakan pada 12 November 2019.

- iv. YBhg. Dato' Pengerusi memaklumkan pada tahun 2020 terdapat 17 projek baharu yang memerlukan pembentangan Terma Rujukan di Mesyuarat JPP.
- v. Mesyuarat juga dimaklumkan bahawa Bahagian Korporat akan menyemak semula Sasaran Kerja Tahunan (SKT) berdasarkan tren semasa pelaksanaan Mesyuarat JPP dan Mesyuarat JPP Khas.

Makluman

3.1.6 Kolaborasi / Smart Partnership

- i. Mesyuarat dimaklumkan bahawa status berkaitan program kolaboratif *Memorandum of Understanding* (MoU) PLANMalaysia telah dibentangkan dalam Mesyuarat JPP Khas Bil. 3/2019 pada 2019 dengan keputusan seperti berikut:-
 - a. Bahagian Korporat perlu mengenalpasti program kolaboratif bersama agensi luar yang memerlukan MoU;
 - b. Cadangan templat MoU diterima dengan pindaan;
 - c. Bahagian Korporat akan bertindak sebagai penyelaras bagi semua program kolaboratif dan MoU Jabatan; dan
 - d. Peruntukan kewangan untuk mengadakan majlis menandatangani MoU adalah di bawah tanggungan Bahagian yang terlibat.
- ii. Mesyuarat juga dimaklumkan bahawa Bahagian Korporat telah membuat permohonan peruntukan bagi tahun 2020 untuk melaksanakan MoU dengan Jabatan Statistik Malaysia (DOSM).
- iii. Mesyuarat mengambil maklum Bahagian Rancangan Fizikal Negara telah mengemukakan cadangan MoU kepada Bahagian Korporat.

Makluman

3.1.7 Belanjawan 2015: Malaysian National Development Strategy (MyNDS)

- i. Mesyuarat dimaklumkan bahawa tujuan awal surat yang dikemukakan oleh Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan kepada Pejabat Menteri KPKT adalah untuk mendapatkan tarikh bagi mengadakan taklimat Hala Tuju Pembangunan Bandar Belia Malaysia (BBM).
- ii. Mesyuarat juga dimaklumkan keputusan terkini berhubung Bandar Belia Malaysia ialah KPKT akan menyelia BBM di Tanjong Malim, Perak manakala PLANMalaysia akan meneruskan peranan sedia ada sebagai penasihat dan pakar rujuk bagi perancangan dan pelaksanaan BBM di Malaysia.

Makluman

3.1.8 Pindaan Akta

- i. Mesyuarat dimaklumkan bahawa Bahagian Perundangan dan Kawal Selia Perancangan telah melaksanakan tindakan-tindakan berikut

berkaitan Rang Undang-Undang Perancangan Bandar dan Desa (Pindaan) (No. 2) 2017:-

- a. 22 dan 25 Februari 2019: Pembentangan kepada YB Menteri KWP dan telah bersetuju dengan hala tuju dan kandungan RUU;
- b. 22 Mac 2019: Pembentangan di Mesyuarat Dasar KWP Bil. 5/2019 dan telah dipersetujui untuk diangkat ke Mesyuarat Jemaah Menteri (MJM);
- c. 31 Julai 2019: Pembentangan di MJM dan dipersetujui untuk tindakan lanjut oleh PLANMalaysia; dan
- d. 4 September 2019: Salinan keputusan MJM berserta salinan cadangan pindaan akta serta lampiran-lampiran yang berkaitan dan telah diserahkan kepada Bahagian Dasar dan Strategik KWP untuk tindakan selanjutnya oleh Jabatan Peguam Negara.

Makluman

- ii. Mesyuarat dimaklumkan bahawa Bahagian Perundangan dan Kawal Selia Perancangan telah melaksanakan tindakan-tindakan berikut berkaitan Rang Undang-Undang Perancang Bandar (Pindaan) 2016:-

- a. Draf RUU Perancang Bandar (Pindaan) 2019 [Akta 538] telah disediakan dan dalam semakan bersama AGC untuk dibentangkan ke Mesyuarat Dasar KWP bagi mendapatkan persetujuan YB Menteri

Tindakan: Bahagian Perundangan dan Kawal Selia Perancangan

3.1.9 Resolusi Mesyuarat

Mesyuarat telah dimaklumkan bahawa Mesyuarat *Task Force* Penyelarasan Resolusi Mesyuarat RKJ 2018 telah diadakan pada 12 Disember 2018 dan cadangan-cadangan tersebut telah dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan (JP) Bil. 1/2019 pada 13 Mac 2019.

Makluman

4.0 PEMBENTANGAN KERTAS KERJA

4.1 Kertas Kerja 1: Hala Tuju PLANMalaysia

Oleh: Pengarah Bahagian Korporat

- i. Kertas kerja ini telah dibentangkan oleh Pn. Nik Noraisu binti Nik Ibrahim; Pengarah, Bahagian Korporat sebagaimana di **Lampiran 1**.
- ii. Pembentangan tersebut telah menekankan bahawa PLANMalaysia mempunyai kekuatan dari sudut sumber manusia yang merupakan duta kecil Jabatan dalam mengetengahkan produk-produk Jabatan seperti Akta 172, Rancangan Pemajuan Nasional, Piawaian Perancangan, rancangan struktur, rancangan tempatan dan lain-lain lagi yang sejajar dengan agenda nasional dan global seperti Rancangan Malaysia Lima

Tahun (RMLT), *Sustainable Development Goals* (SDGs), *New Urban Agenda* (NUA) dan *Industrial Revolution 4.0*. Beliau juga telah memberi sedikit gambaran awal berkaitan Draf Pelan Strategik Jabatan 2021 – 2025 termasuklah Analisis SWOT PLANMalaysia.

Makluman

4.2 **Kertas Kerja 2: Hala Tuju PLANMalaysia**

Oleh: Pengarah Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan

- i. Kertas kerja ini telah dibentangkan oleh TPr Dr. Alias bin Rameli; Pengarah, Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan sebagaimana di **Lampiran 2**.
- ii. Beliau telah menyentuh banyak kelebihan yang ada di PLANMalaysia terutamanya kepakaran yang dimiliki oleh pegawai-pegawai Jabatan DAN telah mencadangkan peluasan fungsi PLANMalaysia dalam Pelan Strategik KWP 2021 – 2025.
- iii. Selain itu, penubuhan PLANMalaysia@Wilayah juga telah dicadangkan oleh beliau di mana agensi tersebut akan berfungsi dengan memberikan nasihat perancangan bandar dan desa, menjalankan fungsi Lembaga Rayuan, menyelaras maklumat guna tanah, menyelaras OSC dan akhir sekali sebagai sekretariat perancangan di peringkat wilayah persekutuan.
- iv. Akhir sekali, beliau menyarankan penggunapakaian pendekatan *revisit & to strengthen* untuk memacu PLANMalaysia ke hadapan. Beliau juga memaklumkan sistem dan aktiviti perancangan seperti *localizing* rancangan tempatan dan penglibatan PLANMalaysia dalam projek-projek berimpak tinggi seperti Pembangunan Kampong Bharu dan *River of Life*.

Makluman

5.0 HAL-HAL LAIN

5.1 **Memperkasa Peranan PLANMalaysia Melalui Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [Akta 172]**

- 5.1.1 TPr Haji Hassan bin Yaakob; Pengarah PLANMalaysia@Kelantan menyarankan agar pemeraksanaan PLANMalaysia di peringkat Kementerian dilaksanakan melalui pindaan Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [Akta 172] dengan pengwujudan hubungan (*link*) di antara Ketua Pengarah PLANMalaysia, Kementerian dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Perhatian: Bahagian Perundangan dan Kawal Selia Perancangan

- 5.1.2 YBhg. Dato' Pengerusi menyuarakan kebimbangan bahawa pindaan Akta 172 akan mengambil masa yang lama, justeru adalah disarankan semua peserta RKJ 2019 untuk mengenalpasti tindakan-tindakan yang boleh dilaksanakan

dalam tempoh pindaan RUU tersebut sekiranya dilaksanakan dengan melihat kembali hubungan antara Jabatan dengan Pihak Berkuasa Perancang Tempatan (PBPT) melalui Akta 172.

Makluman

- 5.1.3 YBhg. Dato' Dr. Zainah binti Ibrahim; TKP (Pembangunan) memaklumkan terdapat keperluan untuk melihat semula dalam mana-mana peruntukkan Akta berkaitan hubungan yang jelas di antara Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) memandangkan hubungan di antara PLANMalaysia dan PBPT adalah jelas dinyatakan dalam Akta 172. Beliau juga menyatakan pandangan bahawa hubungan di antara PLANMalaysia dan PBPT adalah lebih kuat berbanding JKT kerana hubungan tersebut adalah bersandar kepada peruntukkan undang-undang.

Tindakan: Bahagian Perundangan dan Kawal Selia Perancangan

5.2 Hala Tuju Mesyuarat Rancangan Kerja 2019

- 5.2.1 TPr Fadzli bin Zubi; Pengarah Bahagian Perancangan Pembangunan Ekonomi, Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu berpandangan terdapat keperluan untuk membentangkan hasil Mesyuarat RKJ 2019 di peringkat Kementerian. YBhg. Dato' Pengerusi memaklumkan hasil mesyuarat akan dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Dasar dan Strategi, KWP atau mana-mana platform yang bersesuaian dengannya.

Tindakan: Bahagian Korporat

- 5.2.2 TPr Muhammad Anwar bin Ramli; Ketua Penolong Pengarah PLANMalaysia@Kedah mencadangkan agar perbincangan Mesyuarat RKJ 2019 melihat kembali perkhidmatan-perkhidmatan yang ditawarkan oleh profesion perancangan bandar dan Jabatan.

Makluman

6.0 RUMUSAN MESYUARAT

- 6.1 YBhg. Dato' Pengerusi mengucapkan terima kasih di atas komitmen semua peserta RKJ 2019 yang telah bersama-sama bertungkus lumus berbincang, merangka dan merumus pandangan / idea / aspirasi yang dilontarkan sepanjang Mesyuarat RKJ 2019 berlangsung terutamanya dalam membentuk Hala Tuju PLANMalaysia dalam suasana (*environment*) yang baharu yang boleh dikatakan penuh dengan *uncertainty*.

- 6.2 Beliau juga berpuas hati dengan kehadiran peserta RKJ 2019 seramai 90 orang yang akan dapat membantu merangka tindakan-tindakan strategik dan memastikan sistem penyampaian perkhidmatan sentiasa relevan.

Makluman

- 6.3 YBhg. Dato' Pengerusi turut merakamkan ucapan terima kasih kepada YBhg. Datuk Prof. Ismail bin Ibrahim atas kesudian untuk turut hadir seterusnya bersama-sama dengan peserta RKJ 2019 sewaktu sesi perbincangan berkumpulan.
- 6.4 YBhg. Dato' Pengerusi juga merakamkan ucapan terima kasih kepada kedua-dua pembentang kertas kerja iaitu Pn. Nik Noraisu binti Nik Ibrahim; Pengarah Bahagian Korporat dan TPr Dr. Alias bin Rameli; Pengarah Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan yang telah menyentuh hala tuju PLANMalaysia di masa hadapan termasuklah penekanan terhadap kekuatan pegawai serta produk Jabatan yang boleh diintegrasikan dengan visi, misi KWP.
- 6.5 YBhg. Dato' Pengerusi turut berpandangan terdapat keperluan untuk memasukkan elemen-elemen perancangan dalam visi, misi dan teras KWP melalui tindakan penyesuaian. Beliau juga menyatakan pandangan bahawa aspirasi KWP disesuaikan kepada "Negara Peduli, Harapan Rakyat Dipenuhi".
- 6.6 YBhg. Dato' Pengerusi turut berkongsi pandangan terdapat keperluan untuk menubuhkan PLANMalaysia@Wilayah yang akan membantu perkembangan KWP. Beliau menyarankan agar pembangunan di WP (Putrajaya, DBKL dan Labuan) turut disentuh dalam mana-mana platform tersebut.
- 6.7 YBhg. Dato' Pengerusi juga menyeru supaya peserta RKJ 2019 untuk melihat semula terhadap sumbangan Jabatan terhadap pelbagai isu semasa yang telah berlaku seperti Pembangunan Kampung Bharu dan *River of Life*.
- 6.8 YBhg. Dato' Pengerusi juga memaklumkan bahawa di peringkat awal, PLANMalaysia terlibat dalam Pembangunan Kampung Bharu sebagai Pengerusi Bersama. Walau bagaimanapun, atas faktor tertentu, peranan PLANMalaysia dalam Pembangunan Kampung Bharu telah tenggelam. Beliau telah menyarankan agar PLANMalaysia mengambil inisiatif proaktif untuk terlibat secara aktif dalam penyelesaian isu di di Kampung Bharu yang kini telah menjadi isu nasional dan seterusnya akan menjadi contoh kepada negeri-negeri lain sekiranya berkait rapat isu yang telah terjadi di Kampung Bharu.

Tindakan: Pejabat Projek Zon Tengah

- 6.9 YBhg. Dato' Pengerusi juga menyarankan agar kertas kerja berhubung NUA segera disediakan sebagai persediaan pembentangan di *10th World Urban Forum* (WUF10) ke arah menjadikan Jabatan sebagai *champion* kepada pelaksanaan NUA di Malaysia.

Tindakan: Bahagian Rancangan Fizikal Negara, Perhatian: Bahagian Korporat.

6.10 YBhg. Dato' Pengerusi turut memberikan pandangan terhadap hasil pembentangan oleh setiap kumpulan seperti berikut:-

6.10.1 **Pemeriksaan MPFN**

- i. YBhg. Dato' Pengerusi memaklumkan bahawa banyak soalan Parlimen melibatkan keputusan-keputusan di peringkat MPFN. Selain itu, beliau juga memaklumkan platform MPFN telah digunakan oleh banyak Kementerian dan Jabatan untuk mendapatkan persetujuan terhadap dasar-dasar tertentu seperti oleh Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar & Perubahan Iklim (MESTECC) dan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) serta akan datang pihak Jabatan Warisan Negara (JWN) juga akan turut sama menggunakan platform tersebut.
- iii. YBhg. Dato' Pengerusi juga menyeru kepada semua pegawai untuk mengekalkan integriti yang tinggi terutamanya apabila terdapat sesetengah pihak yang cuba untuk memanipulasi platform tersebut tanpa melalui proses-proses tertentu dalam pemajuan dan pembangunan guna tanah.

Makluman

6.10.2 **Menyebarkan Fungsi dan Peranan Semasa Jabatan**

- i. YBhg. Dato' Pengerusi juga telah mencadangkan untuk diwujudkan program *townhall* yang melibatkan YBM Menteri KWP bersama-sama kesemua pegawai kader Jabatan baik di peringkat Kementerian, Agensi Kerajaan mahupun peringkat Pihak Berkuasa Perancang Tempatan (PBPT).

Tindakan: Seksyen Sumber Manusia

- ii. YBhg. Dato' Pengerusi juga mencadangkan agar hubungan baik di antara YBM KWP dan Menteri-Menteri Besar serta Ketua-Ketua Menteri diwujudkan dengan perantaraan oleh Pengarah PLANMalaysia@Negeri.

Perhatian: PLANMalaysia@Negeri

- iii. YBhg. Dato' Pengerusi juga mencadangkan agar Pengarah PLANMalaysia@Negeri menjadi perantara di antara PLANMalaysia Ibu Pejabat dengan PBT untuk mengekalkan hubungan yang telah sedia terjalin terdahulunya di antara PLANMalaysia dan PBT.

Perhatian: PLANMalaysia@Negeri

6.10.3 **Subject Matter Expert (SME)**

- i. YBhg. Dato' Pengerusi juga bersetuju terhadap pernyataan bahawa aset Jabatan ialah pegawai-pegawai perancang. Justeru, beliau menyeru kepada semua peserta RKJ 2019 untuk sentiasa berusaha untuk memberi input dan maklumbalas khidmat perancangan yang bernas dan meyakinkan.
- ii. YBhg. Dato' Pengerusi juga meminta supaya diadakan lebih banyak latihan diberikan kepada pegawai-pegawai *senior* di Jabatan termasuklah sesi perkongsian pengalaman pegawai-pegawai kader juga pendedahan berkaitan produk dan program Jabatan kepada semua peserta RKJ 2019 tanpa mengira penempatan pegawai.

Tindakan: Bahagian Khidmat Pengurusan

- iii. Beliau juga menyatakan pandangan sekiranya pegawai-pegawai PLANMalaysia berkongsi nilai dan kualiti yang sama, pengwujudan *think tank* (SME) bagi subjek-subjek tertentu untuk membantu KWP dalam menghadapi sesuatu isu akan menjadi mudah. Beliau juga menyatakan hasrat agar perkara ini malahan di minda KWP ataupun mana-mana Kementerian, apabila sesuatu isu timbul, PLANMalaysia akan sentiasa menjadi rujukan pertama dan yang utama. Beliau juga menyarankan agar platform SME ini digunakan untuk perluasan perkhidmatan Jabatan ke Agensi-agensi lain.

Tindakan: Bahagian Khidmat Pengurusan

- iv. YBhg. Dato' Pengerusi juga telah memaklumkan bahawa kenaikan pangkat tidak akan lagi bersandar kepada kekananan sahaja. Beliau telah mengarahkan agar diwujudkan suatu skema kenaikan pangkat disediakan. Beliau juga berpandangan, untuk seseorang pegawai dinaikkan pangkat, pegawai tersebut hendaklah mempunyai pelbagai pengalaman termasuklah di PLANMalaysia Ibu Pejabat, PLANMalaysia@Negeri dan pernah menjawat jawatan kader seperti di OSC. Beliau menyuarakan kebimbangan sekiranya pegawai hanya mempunyai pengalaman tertentu sahaja apabila dinaikkan pangkat.

Tindakan: Bahagian Khidmat Pengurusan

- v. YBhg. Dato' Pengerusi juga telah mengarahkan agar diwujudkan lebih banyak kursus untuk mengasah kemahiran semua pegawai di PLANMalaysia baik kepada pegawai *junior* mahupun *senior* terutamanya dari sudut penyediaan surat dan teks ucapan berkualiti, kemahiran *presentation* termasuklah pengucapan awam dan komunikasi Bahasa Inggeris.

Tindakan: Bahagian Khidmat Pengurusan

6.10.4 Pelaksanaan Garis Panduan

- i. YBhg. Dato' Pengerusi telah meminta supaya garis panduan-garis panduan disediakan mengikut peredaran semasa agar ianya boleh dilaksanakan di peringkat Negeri dan Tempatan. Beliau berpandangan pengalaman dan input pegawai daripada PLANMalaysia@Negeri amatlah penting untuk memastikan Garis Panduan yang disediakan dapat memenuhi kehendak dan boleh diterimapakai di peringkat tempatan.

Perhatian: Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan

- ii. YBhg. Dato' Pengerusi memaklumkan bahawa produk-produk Jabatan kini sering menjadi rujukan di KWP sebagaimana terdahulu di KPKT. Beliau juga menyeru kepada semua peserta RKJ 2019 untuk sentiasa memainkan peranan sebagai duta Jabatan untuk memastikan Jabatan sentiasa mendapat pengiktirafan daripada pelbagai pihak ketiga.

Perhatian: Semua Peserta RKJ 2019

- iii. Beliau juga perencanaan produk-produk Jabatan seiring dengan pembangunan arus perdana terutamanya melibatkan teknologi *Internet of Things* (IoT) dan revolusi industri 4.0 (IR 4.0).

Perhatian: Semua Peserta RKJ 2019

6.10.5 Mempromosi Jabatan dan Produk-produk Jabatan

- i. YBhg. Dato' Pengerusi memaklumkan kepada peserta RKJ 2019 bahawa pihak DOSM merupakan antara agensi yang aktif dalam mempromosikan produk jabatan tersebut melalui pengeluaran perangkaan ekonomi setiap minggu.
- ii. YBhg. Dato' Pengerusi telah mencadangkan supaya setiap Bahagian PLANMalaysia di Ibu Pejabat, Pejabat Projek Zon dan PLANMalaysia@Negeri melaksanakan tindakan-tindakan yang boleh mengarusperdana produk-produk Jabatan masing-masing ke arah menjadikan Jabatan ke hadapan. Beliau mencadangkan tindakan seperti memasukkan produk-produk Jabatan ke dalam ucapan YB Menteri, Menteri Besar, slaid pembentangan, video serta Akhbar Wilayahku hendaklah dilaksanakan.

Perhatian: Pengarah Bahagian, Pengarah Pejabat Projek Zon dan Pengarah PLANMalaysia@Negeri

6.10.6 Governance

- i. YBhg. Dato' Pengerusi memaklumkan isu berkaitan perjawatan dan kedudukan pegawai kader Jabatan yang tidak strategik di KWP wujud memandangkan ketidakselarasan arah tuju KWP dengan fungsi

PLANMalaysia. Beliau sekali lagi menyeru kepada semua peserta RKJ 2019 untuk sama-sama membantu pengurusan tertinggi Jabatan ke arah memandu KWP untuk memahami fungsi dan peranan Jabatan terutamanya pegawai kader Jabatan merupakan sebahagian daripada organisasi tersebut.

- 6.11 YBhg. Dato' Pengerusi juga telah mencadangkan agar PLANMalaysia membentangkan dan mengangkat kertas-kertas berkaitan produk Jabatan melibatkan garis panduan-garis panduan dan dasar dalam setiap Mesyuarat Dasar KWP.

Tindakan: Bahagian Korporat

- 6.12 YBhg. Dato' Pengerusi juga telah menyarankan kepada semua pegawai untuk menganggotai Lembaga Perancang Bandar Malaysia (LPBM).

Perhatian: Semua Peserta RKJ 2019

- 6.13 YBhg. Dato' Pengerusi juga menyeru kepada semua peserta RKJ 2019 untuk menjadikan threat sebagai suatu peluang ke arah memperkasakan Jabatan dalam suasana tidak menentu.

- 6.14 Beliau mengarahkan Bahagian Korporat untuk mengadakan bengkel bagi mengumpul dan menyenaraikan resolusi mengikut subjek-subjek tertentu dan seterusnya perkara-perkara tersebut akan sentiasa dan terus dibincangkan dan dibangkitkan dalam pelbagai platform mesyuarat Jabatan agar dapat mengenalpasti apakah tindakan yang perlu diambil dalam RKJ akan datang.

Tindakan: Bahagian Korporat

7.0 PENANGGUHAN MESYURAT

YBhg. Dato' TPr Pengerusi mengucapkan tahniah dan penghargaan kepada semua peserta RKJ 2019 yang hadir dan urusetia program. Beliau turut mengucapkan terima kasih di atas komitmen yang diberikan dalam menjayakan RKJ 2019 dan mengharapkan agar kecemerlangan dan kejayaan Jabatan dapat diteruskan pada masa akan datang.

RKJ 2019 ditangguhkan pada jam 12.00 tengah hari.

Disediakan oleh:

URUSETIA

RANCANGAN KORPORAT JABATAN (RKJ) 2019

PLANMalaysia

TEKS
UCAPAN

DATO' KETUA PENGARAH

RANCANGAN KORPORAT JABATAN



YBHG. DATO' TPr HJ. MOHD ANUAR BIN MAIDIN

KETUA PENGARAH
~ PLANMalaysia ~



NOTA PERCAKAPAN

PENGERUSI

MESYUARAT RANCANGAN KERJA JABATAN (RKJ) PLANMalaysia 2019

YBHG. DATO' TPr MOHD ANUAR BIN MAIDIN

KETUA PENGARAH PLANMalaysia

UNCERTAINTY : CERTAINTY AND OPPORTUNITY

6 - 8 Oktober 2019 (Ahad - Selasa)

Pusat Kecemerlangan Kejuruteraan dan Teknologi JKR (CREaTE), Alor Gajah, Melaka

Bismillahirrahmanirrahim...
Assalamu'alaikum wbt

YBr. Puan Hajah Rohani binti Md. Hashim,
Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan);

YBhg. Dato' TPr Dr. Zainah binti Ibrahim
Timbalan Ketua Pengarah (Perancangan);

YBhg. Prof. Datuk Ismail bin Ibrahim
Ketua Eksekutif Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA)

Pengarah - Pengarah Bahagian PLANMalaysia Ibu Pejabat,

Pengarah-Pengarah PLANMalaysia Negeri,

Pengarah – Pengarah Pejabat Zon PLANMalaysia

Ketua-Ketua Seksyen dan Unit serta semua ahli mesyuarat yang saya hormati.

1. Syukur ke hadrat Ilahi kerana pada malam ini kita dapat bersama-sama di dalam **Mesyuarat Rancangan Korporat Jabatan (RKJ) 2019**. Terima kasih juga di atas kehadiran semua pegawai gred 48 ke atas pada Mesyuarat kali ini.
2. Satu ratus dua puluh dua (122), itulah bilangan pegawai kanan Jabatan yang kini bersama-sama memacu pembangunan organisasi ke arah yang yang lebih cemerlang.

MUKADDIMAH

3. Tahun 2007, merupakan tahun pertama Mesyuarat Rancangan Korporat Jabatan ini diadakan di bawah pimpinan Ketua Pengarah YBhg. Dato' Mohd Fadzil bin Mohd Khir. Dan tahun 2019 merupakan tahun ke 13 kita adakan Mesyuarat ini.
4. Pelbagai input dan saranan yang dicapai bersama di platform ini melalui pembentangan kertas kerja, sesi perbincangan kumpulan dan sesi soal jawab semasa Mesyuarat yang sentiasa bersifat terbuka tanpa mengira siapapun yang mengutarakannya.
5. Saya juga yakin serta percaya ini semua dilaksanakan atas satu Visi yang sama iaitu ke arah menjadikan Jabatan ini, PLANMalaysia sebagai peneraju perancangan bandar dan desa di Malaysia.

6. Justeru, dalam Mesyuarat RKJ juga halatuju Jabatan bagi tahun mendatang telah sama-sama kita kenalpasti melalui perencanaan program-program tahunan melibatkan program jangka pendek dan jangka panjang termasuklah program untuk mempromosikan produk-produk Jabatan.

TUJUAN MESYUARAT RKJ TAHUN 2019

YBhg. Dato' - Dato', tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

7. Dua tujuan Mesyuarat RKJ kali ini diadakan adalah untuk:-
 - i. Membincangkan **pendekatan masa hadapan dan hala tuju Strategik Jabatan** selaras dengan fungsi terkini Kementerian dan Misi Nasional yakni ***Wawasan Kemakmuran Bersama***;
 - ii. Menentukan **tindakan – tindakan pelaksanaan** yang perlu diambil bagi ke arah mencapai hala tuju strategik yang telah dikenalpasti.

HARAPAN HALA TUJU MESYUARAT RKJ TAHUN 2019

8. Saya amat berharap agar Mesyuarat RKJ kali ini, kita akan dapat merencana program-program yang dapat lebih mempromosikan Jabatan kita di peringkat luar baik di peringkat tempatan mahupun di persada antarabangsa.
9. Adakah penduduk di peringkat tempatan mengenali Jabatan kita? Adakah pertubuhan bukan kerajaan (NGO) mengetahui fungsi Jabatan kita? Bagaimana pula dengan agensi-agensi di peringkat Negeri? Sejauh manakah kerjasama antara kita dan mereka setakat ini? Masih adakah agensi yang kurang jelas peranan kita? Apa pula pandangan Pihak Berkuasa Perancang Tempatan (PBPT) terhadap kita? Dan, di antara Kementerian masih terdapatkah lagi Kementerian yang belum mengenali Jabatan kita?
10. Dan tidak dapat tidak, saya ingin bertanya di mana pula letak duduk kita di peringkat Kementerian kita sendiri; Kementerian Wilayah Persekutuan?
11. Saya masih ingat lagi. Dalam Mesyuarat RKJ yang lepas, majoriti ahli mesyuarat telah bersetuju untuk berpindah ke Kementerian Wilayah Persekutuan. Maka, setelah hampir setahun PLANMalaysia bernaung di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan, apakah perancangan kita seterusnya?
12. Selain persoalan-persoalan tersebut, bagaimanakah pula letak duduk kita di peringkat antarabangsa? Alhamdulillah, Februari 2018 kita telahpun berjaya

sama-sama terlibat dalam penganjuran *World Urban Forum*. Diikuti pula *Malaysia Urban Forum 2019* pada Februari 2019 yang lalu dan dalam masa seminggu *7th Asian Pacific Urban Forum (APUF7)* pula akan berlangsung.

13. Suka juga saya ingin menyentuh di sini pada tahun hadapan, kita akan terlibat secara langsung dalam *Smart Nation Expo 2020*.
14. Jika dilihat, program-program berprestij tadi telahpun dilaksanakan dengan jayanya. Walau bagaimanapun, sekali lagi saya ingin bertanya kepada ahli mesyuarat sekalian yang hadir,
So, what's our next game plan?
15. Apakah **produk-produk perancangan** yang boleh kita ketengahkan sebagai rujukan di peringkat antarabangsa? Apakah **konsep perancangan baharu** atau mungkin yang telah ditambahbaik yang hendak kita promosikan ke peringkat antarabangsa? Pembentangan di peringkat antarabangsa adalah suatu perkara yang sangat bagus. Persoalannya, apakah kadar asimilasi di peringkat antarabangsa?
16. Kita hendaklah sering bertanya pada diri kita, "*do we manage to sell our pen?*" Adakah kita berjaya menjual "sebatang pen" kepada *audience* dalam setiap pembentangan atau tindakan-tindakan kita dalam mempromosikan produk Jabatan? Itulah kata kunci kepada asimilasi produk-produk Jabatan dengan pihak ketiga.
17. Besarlah harapan saya agar Mesyuarat RKJ kali ini dapat memberi input yang dapat memacu Jabatan dalam meneruskan kejayaan dan menjadi lebih cemerlang dimasa akan datang seterusnya mencipta legasi Jabatan.

PESANAN KEPIMPINAN

YBhg. Dato' - Dato', tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

18. Sebagai peneraju Jabatan ini, suka saya ingin berkongsi tiga aspek kepimpinan untuk memastikan kejayaan dalam sesebuah organisasi secara berkesan dan mampan.
19. Aspek kepimpinan pertama adalah keperluan memilih pemimpin yang sesuai. Selain perlunya seorang pemimpin berusaha secara gigih dan pintar, ia perlu juga seorang yang **berintegriti** (*integrity*), **berkebolehan** (*competent*) dan **bersikap merendah diri** (*humility*).
20. Seseorang yang **berintegriti** adalah seseorang yang membuat perkara yang betul walaupun tiada orang yang melihat.

21. **Berkebolehan** merujuk kepada seseorang yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang relevan untuk membolehkan beliau menjalankan tugas dengan berkesan.
22. Manakala **sikap merendah diri** merujuk kepada bersikap saling hormat menghormati, berpijak di bumi yang nyata dan sedar bahawa kita semua wujud di dunia ini untuk tujuan hidup yang lebih meluas dan bukan semata-mata untuk kepentingan diri sendiri.
23. Aspek kepimpinan kedua adalah perlunya wujudnya kepelbagaian sebagai sumber kekuatan kepada sesebuah organisasi.
24. Kepelbagaian yang dimaksudkan adalah dari segi kemahiran, gender, kaum dan umur lebih-lebih lagi untuk sebuah Jabatan yang berteraskan perkhidmatan secara horizontal dan vertikal.
25. Organisasi yang mempraktikkan kepelbagaian di kalangan pengurusan mereka biasanya akan mempunyai prestasi yang lebih baik dan mampan.
26. Aspek kepimpinan ketiga ialah pentingnya bagi sesebuah organisasi untuk menyediakan pelan pewarisan pengurusan (*management succession plan*) dan proses kajian bakat (*talent review plan*) yang berkesan. Sebagai sebuah organisasi yang ingin mara ke hadapan, adalah menjadi suatu kepentingan untuk membina bakat dalaman (*grow your own timber*) kerana dengan ini ia memberi peluang kepada kakitangan sedia ada untuk memajukan kerjaya masing-masing.
27. Apabila pembangunan bakat dibuat secara berkesan barulah pelan penggantian (*succession planning*) itu dapat direalisasikan.
28. Pegawai yang berbakat di dalam organisasi ini akan sentiasa dihargai kerana ia mampu mengelakkan berlakunya situasi *brain drain* iaitu pengaliran bakat-bakat ini ke organisasi lain.

PROGRAM-PROGRAM JABATAN

YBhg. Dato' - Dato', tuan-tuan dan puan-puan sekalian

Sambutan Hari Inovasi PLANMalaysia 2019

29. Pada 2 Oktober 2019 yang lalu, Jabatan telahpun mengadakan Sambutan Hari Inovasi PLANMalaysia Tahun 2019 dengan jayanya.
30. Bagi tahun ini, sebanyak enam (6) kategori pertandingan inovasi telah dipertandingkan iaitu:-

- i. Pertandingan Analisis Pelbagai Kriteria (MCA)
 - ii. Pertandingan Dokumentasi Produk Jabatan;
 - iii. Pertandingan Video Pendek;
 - iv. Pertandingan Mereka Cipta Bahan Kitar Semula (*Upcycle*);
 - v. Pertandingan Instafamous; dan
 - vi. Pertandingan *Urban Garden & Edible Landscape*
31. Saya difahamkan, dalam pertandingan *Urban Garden & Edible Landscape*, terdapat peserta pertandingan yang mana hasil tanaman dapat dituai beberapa kali iaitu tanaman pokok cili padi dan sayuran salad lain.
32. Di peringkat pengurusan tertinggi Jabatan, kami sangat menghargai idea-idea inovatif yang ditunjukkan dan berharap agar inovasi-inovasi tersebut dapat diaplikasikan.

Sambutan Hari Perancang Bandar Sedunia 2019

33. Seterusnya, dalam tempoh 36 hari, PLANMalaysia Ibu Pejabat melalui Bahagian Korporat akan mengadakan kemuncak sambutan Hari Perancang Bandar Sedunia 2019 (HPBS 2019) akan diadakan dengan kerjasama PLANMalaysia@Selangor dan Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA).
34. Pada Ahad, 10 November 2019, Dataran Kemerdekaan Shah Alam akan dipenuhi dengan pelbagai pengisian program dan aktiviti bermula seawal jam 6.45 pagi. Antara pengisian tersebut termasuklah program *FunWalk* anjuran KESPERB, *Speakers Corner* bersama pelajar IPTA, pameran dan sudah tentunya penyampaian Penghargaan Bandar Mampan dan Anugerah Kejiranan Hijau bagi tahun 2018.
35. Selain itu, sambutan HPBS ini juga telah dan akan diadakan di peringkat Negeri:-

Tarikh	Negeri
24 September	Perlis
29 September	Kedah
10 Oktober	Johor
11 Oktober	Perak
21 Oktober	Pulau Pinang
26 Oktober	Pahang
2 November	Negeri Sembilan

2 November	Melaka
2 November	Terengganu
7 November	Putrajaya
14 November	Kelantan

36. Saya ingin mengambil kesempatan ini merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam menjayakan Sambutan Hari Perancang Bandar Sedunia ini baik di peringkat Negeri mahupun di peringkat Kebangsaan.
37. Saya juga ingin menyeru kepada semua pegawai yang ada disini untuk turut sama menyertai aktiviti-aktiviti yang telah disediakan bukan sahaja di negeri tuan/puan berkhidmat malahan negeri-negeri bersebelahan.

Sambutan 100 Tahun Profesion Perancang Bandar

YBhg. Dato' - Dato', tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

38. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mewar-warkan bahawa, Insha Allah pada Februari 2021, PLANMalaysia akan mengadakan sambutan 100 tahun profesion perancang bandar.
39. Pada tahun 1921, Charles Compton Reade. (C. C. Reade) telah dilantik sebagai pegawai perancang bandar pertama untuk memberi khidmat nasihat kepada negeri-negeri Melayu Bersekutu pada ketika itu. Beliau kemudiannya menubuhkan Jabatan Perancang Bandar pada 18 Januari 1921.
40. Saya berharap, dengan adanya sambutan 100 tahun profesion perancang bandar itu nanti, kita semua akan dapat mengenali asal usul (*roots*) profesion kita seterusnya menaikkan semangat untuk menghargai dan menjaga seterusnya akan sentiasa mencari langkah untuk memartabatkan profesion kita.
41. Mereka yang di luar sana, tidak membaca Akta Perancangan Bandar dan Desa. Mereka juga tidak mempunyai pendidikan formal perancangan bandar dan desa itu sendiri. Maka, diri kitalah yang perlu menunjukkan, ciri-ciri perancang bandar yang baik itu sendiri kepada mereka. *We must wear our cape properly and with proud.*

Penyediaan Rancangan Malaysia Ke-12

YBhg. Dato' - Dato', tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

42. Untuk makluman, PLANMalaysia sekali lagi terlibat dalam pembentukan Rancangan Malaysia Lima Tahun (RMLT) yang sedang disediakan oleh Kementerian Hal Ehwal Ekonomi.
43. Ke arah itu, sebanyak 13 Kumpulan Perancang Antara Agensi (*Inter Agency Planning Groups*: IAPG) dan 47 Kumpulan Kerja Teknikal (*Technical Working Groups*: TWG) telah diwujudkan untuk menyediakan 30 kertas strategi bagi RMK-12.
44. Bagi pembentukan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12), PLANMalaysia terlibat secara langsung dalam empat (4) IAPG:-
 - i. IAPG Pembangunan Wilayah Seimbang;
 - ii. IAPG Pengurusan Alam Sekitar, Sumber Asli dan Pengurusan Risiko Bencana;
 - iii. IAPG Pembangunan Inklusif; dan
 - iv. IAPG Kesejahteraan Rakyat.
45. Selain itu, PLANMalaysia juga terlibat dalam dua (2) lagi IAPG iaitu IAPG Sektor Pembinaan melibatkan TWG Industri Pembinaan dan IAPG Pengangkutan dan Logistik untuk *Focus Group Transport Experts Engagement*.
46. Sesi libat urus ini diadakan untuk mendapatkan input, maklum balas dan perkongsian pandangan dalam usaha mengenal pasti isu-isu terkini serta trend semasa global yang perlu diambil kira dan diperincikan dalam penyediaan pelan pembangunan lima tahun itu.

PAKAR BIDANG KHUSUS (*SUBJECT MATTER EXPERT - SME*)

YBhg. Dato' - Dato', tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

47. Jabatan sedang dalam usaha mengenalpasti warga Jabatan yang boleh diiktiraf sebagai Pakar Bidang Khusus (*Subject Matter Expert - SME*) ke arah memastikan pengekalan bakat terbaik dan berkepakaran tinggi dalam Jabatan.
48. SME adalah merupakan pegawai yang memiliki keupayaan intelektual dan kepakaran yang tinggi, berpengalaman luas dalam bidang kepakaran serta menjadi sumber rujukan dalam dan luar organisasinya.
49. Pegawai-pegawai tersebut layak diiktiraf sebagai pegawai SME oleh Lembaga Kenaikan Pangkat (LKP) melalui pemangkuhan/ kenaikan pangkat secara Khas Untuk Penyandang (KUP) tertakluk melepasi tapisan kepakaran yang ketat.

50. Pegawai SME juga perlu melaksanakan Penugasan Khas Pakar Bidang Khusus (*SME Special Assignment – SSA*) di samping tugas hakiki berdasarkan jawatan.
51. Tidak seorang pun dilahirkan pakar, namun demikian kita perlu bermula di mana sahaja dengan berbekalkan semangat untuk mahir dalam subjek tertentu dan keinginan untuk belajar secara berterusan. Hal ini bukan sahaja meningkatkan nilai peribadi kita tetapi juga menaikkan imej dan nilai jabatan.
52. Terdapat banyak subjek yang boleh kita mahirkan diri berkaitan dengan perancangan bandar seperti *Smart City*, *Safe City*, aplikasi-aplikasi berkaitan perancangan bandar dan desa yang melibatkan teknologi digital, *Multiple Criteria Decision Making* (MCDM) dan lain-lain lagi.
53. Oleh itu saya menyeru agar tuan-tuan dan puan-puan mengambil inisiatif untuk memahirkan diri dalam sesuatu perkara melalui lebih banyak pembacaan ilmiah (jurnal dan penerbitan ilmiah), perbincangan ilmiah di pelbagai platform termasuklah penglibatan aktif dalam seminar dan forum yang disertai.
54. Dalam *7th Asian Pacific Urban Forum* (APUF7) dan HPBS, kita telah menyediakan ruang bagi tujuan tersebut terutamanya melalui *Speakers Corner*.
55. Adalah menjadi harapan saya, pegawai di Jabatan ini mengambil kesempatan untuk sentiasa meningkatkan pengetahuan.

PENUTUP

56. Sebelum saya mengakhiri ucapan saya dalam mesyuarat ini, saya ingin menyeru kepada semua yang hadir untuk mempunyai *sense of belonging* kepada Jabatan kita ini; PLANMalaysia.
57. Kita hendaklah sentiasa berbangga dengan produk-produk Jabatan dengan saling menyokong terhadap sebarang aktiviti atau program yang diadakan.
58. Jabatan kita tidaklah sebesar mana. Saya yakin semua pun tahu, bersatu kita teguh, bercerai kita roboh.
59. Tindakan untuk memberi komen negatif boleh menjatuhkan kita sebagai sebuah Jabatan sedikit demi sedikit. Memberi pandangan untuk membina dan memberi komen atas sekadar meluahkan adalah dua perkara berbeza.

The line is very thin between them. Sebagai pegawai, kita wajar mengetahui batas-batas ini.

60. Komen-komen di media sosial juga hendaklah dikawal lebih-lebih lagi rakan-rakan di media sosial sudah semestinya mengetahui kita bertugas di mana. Ini secara tidak langsung merosakkan imej Jabatan yang telah sekian lama kita jaga.
61. Sewajarnya, media sosial dijadikan medan untuk kita berkongsi hal-hal profesion kita, hal-hal Jabatan kita sebagai salah satu cara untuk mempromosikan Jabatan. Jika di bumi ini, kita semua adalah khalifah Allah. Dalam media sosial, kita adalah duta kecil PLANMalaysia.
62. Akhir sekali, saya tinggalkan satu persoalan lagi kepada semua hadirin yang hadir pada Mesyuarat Rancangan Korporat Jabatan Tahun 2019 ini untuk sama-sama kita renungkan dan cuba fahami...

“Apakah yang paling memuaskan (*most fulfilling*) yang telah kita laksanakan dalam kerjaya kita?”
63. Sekian, selamat bermesyuarat.

MAKLUM
BALAS
RKJ 2018

RANCANGAN KORPORAT JABATAN



PLANMalaysia

Perancangan Melangkaui Kelaziman

Planning : Beyond Conventional

MAKLUM BALAS MINIT MESYUARAT RANCANGAN KORPORAT JABATAN (RKJ)

2018

PERKARA-PERKARA (PETIKAN MINIT MESYUARAT)

LAPORAN / MAKLUMBALAS

1.0 PERUTUSAN PENGERUSI

1.4 Hari Perancangan Bandar Sedunia

YBhg. Dato' TPr Pengerusi Mesyuarat dimaklumkan Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia 2018 (HPBS 2018) dengan tema **Bandar Untuk Semua (Cities For All)** di peringkat Ibu Pejabat akan diadakan di 4 zon seperti berikut:

- i. Zon Timur
 - di Laman Seri Rhu Sepuluh, Setiu, Terengganu pada 25 Oktober 2018;
- ii. Zon Tengah
 - di RPT Bukit Jana Taiping, Perak pada 1 November 2018;
- iii. Zon Utara
 - di Medan Bandar Alor Setar, Kedah pada 3 November 2018; dan
- iv. Zon Selatan
 - di Dataran Persisiran Sungai Melaka, Melaka pada 25 November 2018

Tindakan : Bahagian Korporat

Bahagian Korporat

HPBS 2018 telah berlangsung mengikut ketetapan di peringkat zon. Sambutan utama adalah di zon utara pada 3 November 2018. Sambutan telah mendapat kerjasama baik daripada SUK Negeri Kedah, Majlis Bandaraya Alor Star dan PLANMalaysia@Kedah dengan pembabitian peserta seramai 1,500 orang.

Pada tahun ini, HPBS akan diadakan pada 10 November 2019 di Dataran Kemerdekaan Shah Alam dengan tema “*Green and Community : Together is Better*”. Sambutan kali ini akan diadakan dengan kerjasama SUK Negeri Selangor, Majlis Bandaraya Shah Alam dan PLANMalaysia@Selangor.

PERKARA-PERKARA (PETIKAN MINIT MESYUARAT)

LAPORAN / MAKLUMBALAS

1.5 Kuala Lumpur *Planning Dialogue* (KLPD) Bersama IPTA

Mesyuarat juga dimaklumkan Jabatan akan mengadakan program kolaborasi dengan pihak Institut Pengajian Tinggi Awam melalui Penganjuran Program Kuala Lumpur *Planning Dialogue* (KLPD) pada Oktober dan November ini iaitu :

- i. KLPD di **Fakulti Alam Bina & Ukur, Universiti Teknologi Malaysia (UTM)** pada 29 Oktober ; dan
- ii. KLPD di **Fakulti Senibina, Perancangan dan Ukur, Universiti Teknologi Mara (UiTM)** pada 12 November.

Tindakan: Bahagian Korporat

Bahagian Korporat

Program ini telah dijenamakan semula dengan nama *Planning Profesional Series (PLANPRO)*.

Program PLANPRO telah diadakan di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) pada 29 Oktober 2018 yang dihadiri oleh 200 orang pelajar dan pensyarah manakala PLANPRO di Universiti Teknologi Mara (UiTM) telah diadakan pada 12 November 2018 yang telah dihadiri oleh 700 orang pelajar dan pensyarah.

**PERKARA-PERKARA
(PETIKAN MINIT MESYUARAT)**

LAPORAN / MAKLUMBALAS

1.6 Pelan Strategik Jabatan (PSJ) 2012-2020

- 1.6.2 Oleh itu, satu Bengkel Semakan Semula PSJ 2012-2020 akan dijadual pada Mei 2019 bagi menyemak semula pelaksanaan PSJ tersebut ke arah pembentukan PSJ yang baharu.

Tindakan: Bahagian Korporat

Bahagian Korporat

Satu perbincangan bersama pihak MAMPU telah diadakan pada 1 Ogos 2019. Pihak MAMPU telah mengesyorkan untuk mengadakan Bengkel Pelan Strategik Jabatan (PSJ) 2021-2025.

Bengkel PSJ 2021-2025 telah diadakan pada 17 hingga 19 September 2019 di Institut Latihan FAMA, Kota Bharu, Kelantan. Seramai 45 orang Pegawai Kanan daripada PLANMalaysia Ibu Pejabat dan Pengarah-pengarah PLANMalaysia@Negeri telah hadir ke Bengkel tersebut.

Mohon dikeluarkan dari minit.

PERKARA-PERKARA (PETIKAN MINIT MESYUARAT)

LAPORAN / MAKLUMBALAS

4.0 PERKARA-PERKARA BERBANGKIT

4.1 Akta Perancangan Bandar dan Desa (Pindaan) 2017 [Akta A1522]

Mesyuarat meminta PLANMalaysia@Terengganu, PLANMalaysia@Negeri Sembilan dan PLANMalaysia@Melaka untuk membentangkan Akta A1522 di dalam Mesyuarat JPN untuk tujuan penerimapakaian.

**Tindakan : PLANMalaysia@Terengganu,
PLANMalaysia@Negeri Sembilan
dan PLANMalaysia@ Melaka**

PLANMalaysia@Melaka

Akta Perancangan Bandar dan Desa (Pindaan) 2017 [Akta A1522] telah dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Bil. 2/2019 pada 28 Jun 2019.

Mesyuarat memutuskan; menerima pemakaian dengan penelitian tentang perkara ini akan dilihat dengan lebih mendalam sebelum diangkat ke Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN).

Satu mesyuarat bersama Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan serta Bahagian Perundangan dan Kawal Selia Perancangan telah diadakan pada 20 Ogos 2019 untuk memperhalusi penubuhan Jawatankuasa SIA peringkat negeri bagi penyediaan kertas kerja sebelum diangkat ke MMKN seterusnya.

**PERKARA-PERKARA
(PETIKAN MINIT MESYUARAT)**

LAPORAN / MAKLUMBALAS

PLANMalaysia@Terengganu

Akta Perancangan Bandar Dan Desa (Pindaan) 2017 [Akta A1522] telah dibentang ke Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Terengganu Bil. 3 Tahun 2017 pada 21 November 2017 dan telah diluluskan oleh Mesyuarat MMKN kali ke-22/2018 pada 18 Julai 2018. Pewartaan Akta A1522 bagi Negeri Terengganu telah disiarkan dalam Warta Negeri (No. Warta 444, Jilid 72 No.8) pada 11 April 2019 dan penetapan tarikh mula kuatkuasa pada 1 Januari 2019.

PLANMalaysia@Negeri Sembilan

Akta Perancangan Bandar Dan Desa (Pindaan) 2017 [Akta A1522] telah dibentang dan diluluskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri (JPN) Negeri Sembilan Bil.5/2019 pada 14 Mei 2019. Akta tersebut akan diangkat ke Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) pada bulan Oktober 2019 untuk persetujuan penerimapakaian dan pewartaan.

PERKARA-PERKARA (PETIKAN MINIT MESYUARAT)

LAPORAN / MAKLUMBALAS

4.2 Projek Pembangunan 2018-2020

4.2.2 Mesyuarat dimaklumkan sebanyak 13 terma rujukan akan dibentangkan dalam Mesyuarat JPP Khas Bil 3/2018 yang akan diadakan pada 23-24 Oktober 2018 di Pejabat Projek Zon Timur. Manakala sebanyak 9 terma rujukan akan dibentangkan di dalam Mesyuarat JPP akan datang pada 22-23 November 2018.

Tindakan : Bahagian Korporat

Bahagian Korporat

Pada tahun 2018, sebanyak 28 kertas kerja telah dibentangkan dalam Mesyuarat JPP manakala 31 kertas kerja dibentangkan dalam Mesyuarat JPP Khas.

Sehingga 30 September 2019, sebanyak 22 kertas kerja telah dibentangkan dalam Mesyuarat JPP manakala 7 kertas kerja dibentangkan dalam Mesyuarat JPP Khas 2019.

Mesyuarat JPP Bil 5/2019 dijadual akan diadakan pada 12 November 2019, sebanyak 11 kertas kerja dan 5 cadangan Projek NOC dengan penjimatan tahun 2020.

PERKARA-PERKARA (PETIKAN MINIT MESYUARAT)

LAPORAN / MAKLUMBALAS

4.4 Kolaborasi / Smart Partnership

- Keputusan

4.4.10 Pengerusi mengarahkan Bahagian Korporat menyelaraskan program kolaborasi dengan agensi-agensi dan melaporkan maklum balas dalam Mesyuarat Pagi.

Tindakan : Bahagian Korporat

Perhatian: BRFN, BPP,
BPKSP, BPW. BMGN

Bahagian Korporat

Status bagi program-program kolaboratif *Memorandum of Understanding* (MoU) bagi PLANMalaysia telah dibentang dalam Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan dan Pembangunan (JPP) Khas Bil. 3/2019 pada 19 Julai 2019.

Mesyuarat bersetuju dengan perkara seperti berikut:

- BK perlu mengenalpasti program-program kolaboratif bersama jabatan luar yang perlu ditandatangani MoU;
- Mesyuarat bersetuju dengan cadangan 'template' MoU Jabatan dan perlu ditambahbaik sebagaimana perbincangan Mesyuarat;
- BK sebagai penyelaras bagi semua program kolaboratif dan MoU Jabatan; dan
- Peruntukan kewangan untuk mengadakan majlis menandatangani MoU/Kolaboratif adalah di atas tanggungan Bahagian yang terlibat.

PERKARA-PERKARA (PETIKAN MINIT MESYUARAT)

LAPORAN / MAKLUMBALAS

4.6 Belanjawan 2015: *Malaysian National Development Strategy* (MyNDS)

4.6.3 Surat untuk mendapatkan tarikh taklimat kepada YB Menteri KPKT telah dikemukakan pada 28 September 2018 dan sedang mendapatkan tarikh ketetapan dari Pejabat Menteri KPKT.

Tindakan : Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan

Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan

Tujuan awal surat adalah untuk mendapatkan tarikh bagi mengadakan taklimat Hala Tuju Pembangunan Bandar Belia Malaysia (BBM) kepada YB Menteri Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

Memandangkan PLANMalaysia kini berada di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP), taklimat kepada YB Menteri KPKT tidak lagi diteruskan.

KPKT telah memutuskan untuk menyelia BBM di Tanjung Malim, Perak sahaja. Manakala PLANMalaysia dibawah KWP akan meneruskan peranan sedia ada sebagai penasihat dan pakar rujuk bagi perancangan dan pelaksanaan Bandar Belia di Malaysia.

PERKARA-PERKARA (PETIKAN MINIT MESYUARAT)

LAPORAN / MAKLUMBALAS

4.7 Pindaan Akta

4.7.1 RUU Perancangan Bandar dan Desa (Pindaan) (No. 2) 2017

iii. BPKSP sedang mendapatkan tarikh YBM KPKT untuk mendapatkan persetujuan hala tuju dasar Kementerian terkini.

Tindakan : Bahagian Perundangan dan Kawal Selia Perancangan

Bahagian Perundangan dan Kawal Selia Perancangan

Pembentangan telah dibuat pada 22 Februari 2019 dan 25 Februari 2019 kepada YB Menteri KWP dan secara dasarnya telah bersetuju dengan hala tuju dan kandungan RUU tersebut.

PLANMalaysia telah membentangkan RUU tersebut di Mesyuarat Dasar KWP Bil. 5/2019 pada 22 Mac 2019 dan bersetuju untuk diangkat ke Mesyuarat Jemaah Menteri.

Mesyuarat Jemaah Menteri pada 31 Julai 2019 telah bersetuju dengan RUU Akta 172 dan bersetuju untuk tindakan selanjutnya.

PLANMalaysia telah mengemukakan salinan keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri beserta salinan cadangan pindaan akta serta lampiran-lampiran yang berkaitan dan telah diserahkan pada Bahagian Dasar dan Strategik KWP pada 4 September 2019 untuk tindakan selanjutnya kepada Jabatan Peguam Negara.

PERKARA-PERKARA (PETIKAN MINIT MESYUARAT)

LAPORAN / MAKLUMBALAS

4.7.2 RUU Perancang Bandar (Pindaan) 2016

- ii. BPKSP sedang mendapatkan tarikh YBM KPKT untuk mendapatkan persetujuan bagi hala tuju dan dasar Kementerian terkini terhadap Draf RUU Perancang Bandar ini.
- iii. BPKSP akan menyediakan Draf kertas dasar setelah semakan bersama AGC dimuktamadkan.

**Tindakan : Bahagian Perundangan dan
Kawal Selia Perancangan**

Bahagian Perundangan dan Kawal Selia Perancangan

BPKSP telah menyediakan draf kertas dasar RUU Perancang Bandar (Pindaan) 2019 [Akta 538] untuk dibentangkan ke Mesyuarat Dasar KWP dan mendapatkan persetujuan YB Menteri.

Walau bagaimanapun RUU tersebut masih menunggu semakan bersama AGC untuk dimuktamadkan terlebih dahulu.

**PERKARA-PERKARA
(PETIKAN MINIT MESYUARAT)**

LAPORAN / MAKLUMBALAS

8.0 RUMUSAN MESYUARAT

8.3 Beliau mengarahkan BK untuk merumuskan cadangan-cadangan daripada semua kumpulan dan membentangkan dalam mesyuarat pagi/mesyuarat pengurusan.

Tindakan : Bahagian Korporat

Bahagian Korporat

Task Force Penyelarasan Resolusi-Rosolusi Mesyuarat RKJ 2018 telah diadakan pada 12 Disember 2018.

Cadangan-cadangan ini telah dibentangkan dan diluluskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan (JP) Bil. 1/2019 pada 13 Mac 2019.



KERTAS

PEMBENTANGAN

RANCANGAN KORPORAT JABATAN

K E R T A S
K E R J A 1 :

H A L A T U J U
P L A N M a l a y s i a

R A N C A N G A N K O R P O R A T J A B A T A N



PN. NIK NORAISU BINTI NIK IBRAHIM

PENGARAH
~ Bahagian Korporat ~



PLANMalaysia



MESYUARAT

RANCANGAN KORPORAT JABATAN 2019

6-8 Oktober 2019

**Pusat Kecemerlangan Kejuruteraan dan Teknologi
JKR (CREaTE), Alor Gajah**

Halatuju **PLAN**Malaysia Senario Semasa

EVOLUSI BANDAR

FROM GARDEN CITY TO SMART CITY

GARDEN CITY (Cities of Tomorrow)

To be planned, self-contained communities surrounded by "greenbelts", containing proportionate areas of residences, industry and agriculture.



1924 - Kuala Kubu Bharu

1902

RADBURN

SUPERBLOCK

Separation of pedestrian & traffic, large block surrounded by main roads, open space linked to residential, houses grouped around small cul-de-sacs &

1929

NEIGHBOURHOOD UNIT

Focused on building community entities around schools & institutional, which promoted walkability & community interaction (Cth Seksyen 17, PJ)



1950


GROWTH POLE THEORY

Economic development takes place around a specific pole, ignites growth and better quality of life in the urban periphery

1931

CENTRAL PLACE THEORY

Is a geographical theory that seeks to explain the number, size and location of human settlements in a residential system. Settlements simply functioned as 'central places' providing services to surrounding areas.



REGIONAL GROWTH THEORY

The ability of a region to produce, goods and services demanded and balancing every region growth. 1970 started the New Economy Model in Malaysia.



2009

2009 - Special Economic Zone (ECER, IRDA, NCER, SCORE, SD C)

1997 - E-Kerajaan (MSC)

2002 - MURInets

2004 - Safe City

LOW CARBON CITIES

Transform existing cities towards more resilience regarding the impact of climate change and reduce total carbon emissions



2011 Green Neighborhood Guidelines and Low Carbon Cities Framework have been approved by the Green Technology and Climate Change Council

2015

SUSTAINABLE DEVELOPMENT

Is a city designed with consideration for social, economic, environmental impact and resilient habitat for existing populations, without compromising the ability of future generations.

2016

4th INDUSTRIAL REVOLUTION

Digital revolution, representing new ways in which technology becomes embedded within societies and changing the way we live, work and relate to one another.



2018

SMART CITY

Integrates ICT to optimize the efficiency of city operations, services, connect to citizens and make city more sustainable and liveable




Sumber - Unit Smart City

CABARAN PERBANDARAN

di Malaysia

City are changing and municipal managers will be facing numerous challenges to build the sustainable cities of tomorrow



Peningkatan tepubina dari 427,090 hektar (2001) kepada 1,174,270 hektar (2014) dan pengurangan kawasan hutan dari 5,844,890 hektar (2001) kepada 5,187,400 hektar (2014) – Semenanjung Malaysia

Sumber - Draft Report Malaysia Smart City Framework 2018 – 2025 & RFN 3

Dari tahun 1956 hingga 1978
Perkhidmatan Perancangan
dikembangkan ke negeri-negeri lain
melalui penubuhan pejabat-pejabat
negeri dan seterusnya diperluaskan
dengan meliputi perancangan
wilayah seluruh Semenanjung.

PLANMalaysia dahulunya di
bawah naungan Kementerian
Perumahan dan Kerajaan
Tempatan telah ditempatkan di
Kementerian Wilayah Persekutuan
berdasarkan Keputusan
Mesyuarat Pasca Kabinet pada
19 Oktober 2018.

Charles C. Reade dilantik sebagai
Pegawai Perancang Kerajaan
pertama bagi Negeri-Negeri Melayu
Bersekutu.


Jemaah Menteri pada 25
Januari 2017 meluluskan
penjenamaan semula Jabatan
Perancangan Bandar dan Desa
(JPBD) kepada **PLANMalaysia**.

PLANMalaysia

CARTA ORGANISASI PLANMalaysia



Ketua Pengarah PLANMalaysia





VISI **PLAN**Malaysia

(Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa)

**Menjadi Peneraju
Perancangan Bandar
dan Desa Ke Arah
Mewujudkan
Persekitaran
Kehidupan Yang
Berkualiti, Sejahtera
dan Mampu
Menjelang 2020.**




MISI **PLAN**Malaysia

(Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa)

**Memacu
perancangan fizikal
negara melalui
pelaksanaan dan
pemantauan
perancangan
pembangunan yang
komprehensif,
sistematis dan
inovatif ke arah
kesejahteraan
masyarakat**


PERJAWATAN PLANMalaysia

JUMLAH PERJAWATAN **954**
PENGISIAN **818**
KEKOSONGAN **136**




Kemaskini sehingga 30 September 2019

JUMLAH PERJAWATAN MENGIKUT BAHAGIAN-BAHAGIAN DI IBU PEJABAT PLAN Malaysia (114 kekosongan)



JUMLAH PERJAWATAN MENGIKUT PLANMalaysia@Negeri (6 Kekosongan)



JUMLAH PERJAWATAN KADER (17 Kekosongan)

4 Kekosongan jawatan J48

Majlis Bandaraya Shah Alam 

Majlis Perbandaran Seberang Prai 

Majlis Perbandaran Selayang 

Majlis Perbandaran Seremban 

12 kekosongan jawatan J41/44

Jabatan Landskap Negara 

Majlis Daerah Gua Musang 

Majlis Perbandaran Seremban 

Majlis Daerah Cameron Highlands 

Majlis Perbandaran Kulim 

Majlis Daerah Pengkalan Hulu 

Majlis Perbandaran Termerloh 

Majlis Daerah Dabong 

Majlis Daerah Kuala Krai 

Majlis Daerah Selama 


Majlis Daerah Jeli 

Majlis Daerah Lenggong 

1 Kekosongan jawatan JA29/JA36

Kementerian Wilayah Persekutuan 


PRODUK PLANMALAYSIA & PENAJARAN DENGAN AGENDA GLOBAL DAN NASIONAL




Olahan rekabentuk Slaid daripada Unit Smart City

PERANAN PLANMALAYSIA DALAM PEMBANGUNAN NEGARA

(Outline Perspective Plan & Rancangan Malaysia Lima Tahun)



RANCANGAN STRUKTUR NEGERI (RSN)



12 RANCANGAN
STRUKTUR NEGERI
YANG TELAH DIWARTA
(2004-2012)




**RANCANGAN
STRUKTUR
(SEK.7-11,
AKTA 172)**

5 KAJIAN SEMULA
RANCANGAN
STRUKTUR NEGERI
2016-2019

SUMBER: Unit Penyelarasan Projek, 2019

RANCANGAN TEMPATAN (RT)



116

**JUMLAH
KESELURUHAN**

87

WARTA

29

**BELUM
WARTA**



**RANCANGAN
TEMPATAN
(SEK.12-15,
AKTA 172**

RANCANGAN KAWASAN KHAS (RKK) / PELAN TINDAKAN KHAS (PTK)



Antara Projek Pembangunan Tahun 2020-2021 yang melebihi 2 juta

1. Rancangan Fizikal Negara Ke-4 dan Rangka Kerja Pembangunan Wilayah Bersepadu (RMB) – 4.43 juta
2. Rancangan Fizikal Zon Pesisiran Pantai - 2.6 juta
3. Kajian Penentuan Sempadan Bandar – 5 juta
4. Penentuan Sempadan Kampung dan Penandaan Kedudukan Spatial Kemudahan Awam Kampung Di Semenanjung dan Labuan – 17 juta
5. Pembangunan Sistem Ciri-Ciri Desa Malaysia/ *Characteristic of Rural Malaysia System* (CHARMS) – 3.545 juta
6. Kajian Semula Pelan Induk Rangkaian Ekologi- *Central Spine Forest (CFS)* – 4 juta
7. Kajian *Carrying Capacity* Pusat Peranginan Tanah Tinggi Di Semenanjung Malaysia – 2.5 juta
8. Kajian Sempadan Antarabangsa Malaysia-Thailand – 5 juta
9. Garis Panduan Perancangan Kemudahan Keagamaan Islam dan Lain-lain – 2.2 juta
10. Kajian Semula Rancangan Pemanduan Labuan – 2 juta

Halatuju **PLAN**Malaysia

Where should we go from here?

18

DRAF PELAN STRATEGIK JABATAN 2021-2025

MISI

Memacu Perancangan Pembangunan Negara Melalui Perancangan Spatial Yang Komprehensif dan Inovatif Demi Kesejahteraan Masyarakat

Teras Strategik 3


Memperkasakan asas perundangan dan pematuhan kepada sistem perancangan, pengawal seliaan dan pemudahcara pembangunan yang berkualiti dan mampan

Teras Stretegik 1

Memperkukuhkan keberkesanan perancangan dan pengurusan pembangunan spatial dan guna tanah ke arah kesejahteraan rakyat dan kemakmuran negara.

Teras Strategik 2

Memantapkan dan memperluaskan penyelidikan dan pembangunan ke arah amalan perancangan terbaik dan bertaraf dunia untuk kesejahteraan rakyat dan kemakmuran negara.



Teras Strategik 4

Memperkukuhkan pengurusan maklumat perancangan yang sistematik dan efisien.

Teras Strategik 5

Memperkukuhkan pembangunan kapasiti organisasi dan urus tadbir ke arah melonjakkan kecekapan dan daya saing

S STRENGTHS	W WEAKNESSES	O OPPORTUNITIES	T THREATS
S1: Punca Kuasa Akta 172 S2: PM sebagai Pengerusi MPFN S3: Rancangan Pemajuan S4: Penyelidikan dan Pembangunan S5: Sistem Maklumat Perancangan S6: Sumber manusia yang banyak	W1: GP kurang relevan dengan keperluan semasa W2: SME belum dikenalpasti W3: Keperluan kepakaran tidak selari dengan keperluan masa hadapan. W4: Kekurangan peruntukan untuk latihan W5: kekurangan sebaran dan engagement dengan pemain industri W6: Kesesuaian penempatan pegawai di tempat yang betul (<i>Right person at the right place at the right time</i>) W7: Kekurangan pelapis dalam bidang kepakaran tertentu	O1: Pemimpin pada masa kini lebih responsif dan receptif O2: keberadaan jabatan di bawah KWP membuka peluang jabatan untuk <i>localising planning</i> O3: kesediaan pusat latihan yang menawarkan kursus-kursus bagi peningkatan kemahiran	T1: Pertindihan 'interest' antara KWP dan KPKT T2: KWP tidak bersedia dalam konteks pelaksanaan perancangan di luar wilayah T3: Cabaran perkhidmatan perancangan bandar diambil alih oleh profesion lain.

Sumber: Bengkel PSJ 2021-2025



SEKIAN TERIMA KASIH



KERTAS KERJA 2 :

HALA TUJU

Kementerian Wilayah Persekutuan
Pasca Kemasukan PLAN Malaysia
Dan Jabatan Landskap Negara

RANCANGAN KORPORAT JABATAN



T P r D R . A L I A S B I N R A M E L I

P E N G A R A H

~ Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan ~



Kertas Kerja 2

HALATUJU KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN PASCA KEMASUKAN PLANMalaysia DAN JABATAN LANDSKAP NEGARA

PLANMalaysia
(JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA)


Alias bin Rameli
Pengarah, Bahagian Penyelidikan dan
Pembangunan, PLANMalaysia

MESYUARAT RANCANGAN KORPORAT JABATAN (RKJ) 2019 PLANMalaysia

6 - 8 Oktober 2019 | Pusat Kecemerlangan Kejuruteraan dan Teknologi (CREaTE), Melaka.

1

KRONOLOGI | KEMASUKAN PLANMalaysia DAN JLN KE KWP



KRONOLOGI | KEMASUKAN PLANMalaysia DAN JLN KE KWP




16 Oktober
2018

Perbincangan
Khas Rasionalisasi
(YBM – PM)

4 RASIONAL UTAMA :

- To achieve **Sustainable Development and Liveable Cities** - new planning initiatives and alternative urban solutions, KL and Putrajaya as development model.
- To streamline **planning and development data management system, especially for Klang Valley**.
- To assist River of Life (RoL), structure plan, Smart Cities and **Kampung Bahru development**.
- To revisit **Klang Valley / Greater KL planning and coordination programs**, where PLANMalaysia can play role in facilitating and monitoring planning for urban development, traffic and public transport, infrastructure and public facilities projects.


KRONOLOGI | KEMASUKAN PLANMalaysia DAN JLN KE KWP



 14 Mei 2019 14 May 2019 PUS. UAG 132	WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN <i>FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE</i>
PERINTAH MENTERI-MENTERI KERAJAAN PERSEKUTUAN 2019 MINISTERS OF THE FEDERAL GOVERNMENT ORDER 2019 Yang dipertanggungkan : ▪ PTG WP ▪ JPBD (PLANMalaysia) ▪ JLN Menjalankan kuasa : ▪ Akta 172	
	DISSEMINAS GELAK/ PUBLISHED BY JABATAN PERHIMPUNAN NEGARA/ ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS



PELAN STRATEGIK KWP 2016-2020



FUNGSI

KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Kementerian Wilayah Persekutuan berfungsi untuk merancang, mengurus, melaksana, memantau dan menilai kemajuan dan pembangunan dengan fokus kepada:




PELAN STRATEGIK KWP 2016-2020

Hala Tuju Strategik

MOTO : WILAYAH CERIA, RAKYAT SEJAHTERA.

VISI : PENERAJU KE ARAH MENJADIKAN WILAYAH PERSEKUTUAN MAJU DAN SEJAHTERA MENJELANG TAHUN 2020.

